

SAMBUTAN HARI RAYA, MAJLIS PENGHARGAAN ATAS SUMBANGAN WARGA KERJA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman menyatakan bahawa harta wakaf yang terkumpul boleh ditarmiahkan atau dikembangkan untuk kepentingan ekonomi, masyarakat yang mampan bahkan juga kegunaan bagi kebajikan umat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menjelaskan, Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengendalikan beberapa perkara yang tidak memberatkan fiskal dan wakaf zakat yang dikumpulkan itu dipergunakan dengan sebaiknya dan berkesan serta dilaksanakan secara sistematik dan profesional.

>> Muka 3

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Penghargaan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam serta anak Syarikat Stesen Minyak Badan Tanmiah.



Tingkatkan kesedaran, komitmen terhadap kesihatan, kesejahteraan masyarakat

Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Setiap tahun pada 7 April, seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyambut Hari Kesihatan Sedunia atau World Health Day bagi memperkukuh kesedaran dan komitmen terhadap kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Pada tahun ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memilih tema 'Bersama Untuk Kesihatan. Teguh Bersama Sains' (Together for Health. Stand with Science), yang menyeru semua pihak termasuk kerajaan, saintis, agensi berkepentingan dan seluruh masyarakat untuk memilih bukti, dipercayai fakta, dan menyokong tindakan berasaskan sains demi kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar kita.

>> Muka 5

Aidilfitri tanda perpaduan, kesyukuran, kebersamaan

Siaran Akhbar : Hibiscus EP (Brunei) B.V.

JERUDONG, Selasa, 7 April. - Hibiscus EP (Brunei) B.V. (HEB) baru-baru ini meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan mengadakan Majlis Rumah Terbuka yang penuh mesra di The Empire Brunei dan menghimpunkan pegawai-pegawai kanan kerajaan, pihak berkuasa, rakan perniagaan, ahli komuniti serta para pegawai dan kakitangan syarikat berkenaan.

Majlis diserikan dengan kehadiran

tetamu-tetamu kehormat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 4

618 terima Sijil Taraf Kerakyatan NBD

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

JERUDONG, Selasa, 7 April. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-44, bertempat di Dewan Persidangan BRIDEX, di sini.

Pada kali ini, seramai 618 penerima Sijil

Taraf Kerakyatan telah mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 4

Berita Utama



MENDUKUNG kesiapsiagaan bencana, sistem amaran awal

Muka 6



MEMPERKUKUH kefahaman, penghayatan pelajar terhadap MIB

Muka 11



LAWATAN tinjau sistem operasi pencerapan, pemantauan cuaca

Muka 16



RENCANA

MEMPELAJARI bahasa isyarat membuka perspektif baharu

Muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Sabtu, 4 April 2026.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmani Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'ala Aalihee
Wasahbiee Ajma'een, Waba'du
Allahuakbar, Allahuakbar,
Allahuakbar, Walillahil Hamd

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya

jua, kita di negara ini berpeluang lagi meraikan hari kemenangan umat Islam, Hari Raya Aidilfitri dalam suasana aman, sejahtera dan riang gembira.

Dalam meraikan hari yang mulia ini, kita tidak boleh lupa mendoakan sebahagian umat Islam dan masyarakat di beberapa buah negara yang sedang diuji dengan pergolakan sehingga menyebabkan rakyat dan penduduknya mengalami kesusahan dan penderitaan. Sesungguhnya, keadaan sedemikian ini cukup menginsafkan kita untuk sentiasa mensyukuri nikmat keamanan yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala

Kerjasama pelbagai pihak perkasa ekosistem AI negara

kepada kita.

Kerana itu adalah wajar untuk kita membalas nikmat itu dengan amal salih yang tiada penghujungnya.

Beta menyambut baik tema Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan pada tahun ini iaitu 'Inovasi AI : Pemangkin Pembangunan Masyarakat'. Tema ini memberi isyarat bahawa Kecerdasan Buatan (AI) yang kini tampil sebagai gelombang baharu yang sedang membentuk wajah dunia, perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya secara inklusif, beretika dan demi kepentingan pembangunan masyarakat.

Tidak dinafikan, potensi inovasi AI amatlah luas dalam memacu kemajuan dan daya saing. Namun demikian perkara ini hendaklah ditangani dengan penuh bertanggungjawab, supaya semua manfaatnya dapat diraih tanpa mengabaikan tuntutan etika, tadbir urus yang baik, keadilan sosial dan rohani generasi akan datang.

Pada pandangan beta, tumpuan utama hendaklah diberikan kepada bidang-bidang yang memberi impak langsung kepada kehidupan rakyat, seperti memperkukuh Perkhidmatan Awam meningkatkan mutu pendidikan, menambahkan kecakapan sistem kesihatan, memajukan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana serta melahirkan tenaga kerja yang mahir. Pendekatan seperti ini adalah selaras dengan hasrat negara ke arah merealisasikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Smart Nation, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Di sinilah pelbagai pihak yang berkenaan perlu berganding bahu untuk melengkapkan

para belia dan tenaga kerja tempatan dengan kelayakan dan kemahiran terkini.

Pembangunan AI tidak boleh dilihat hanya dari sudut teknologi tetapi hendaklah juga dinilai dari sudut kemanusiaan, keadilan dan kelestarian. AI mesti dimanfaatkan untuk memperluas peluang dan bukan memperdalam jurang serta untuk memperkasa daya cipta manusia, bukan melemahkannya.

Beta sangatlah mengalu-alukan kehadiran para peserta yang terdiri daripada para pegawai daripada agensi kerajaan dan sektor swasta, para usahawan dalam bidang teknologi AI, sektor perbankan, para pendidik dan pelajar, golongan belia serta ketua-ketua komuniti akar umbi yang masing-masing memainkan peranan penting dalam menyumbangkan idea, karya dan komitmen ke arah membentuk masyarakat yang celik teknologi, berdaya tahan, berdaya saing dan bersedia mendepani cabaran masa hadapan. Kehadiran dan penglibatan semua pihak ini amatlah bermakna untuk memperkukuh usaha negara memanfaatkan AI secara inklusif, beretika dan berkesan demi kemajuan dan kesejahteraan masyarakat.

Kita berdoa semoga dengan usaha bersepadu, kerjasama semua pihak dan petunjuk serta pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala jua, NBD akan terus melangkah sebagai sebuah negara yang bukan sahaja bersedia menghadapi masa depan digital, bahkan juga mampu untuk mempelopori perubahan dengan bijaksana dan bertanggungjawab.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	RABU	19	4.49	4.59	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	KHAMIS	20	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	JUMAAT	21	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
11	SABTU	22	4.47	4.57	6.15	6.38	12.22	3.29	6.28	7.37
12	AHAD	23	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.28	7.37
13	ISNIN	24	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	SELASA	25	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 24 °C	33 25 °C	33 24 °C	
Pekan Bangar			
30 24 °C	31 25 °C	30 24 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C	33 25 °C	33 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	32 25 °C	32 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 8 APRIL 2026

Kesihatan dan keselamatan dijaga

KESIHTAN seharian hendaklah dijaga dengan sebaik mungkin. Pada musim perayaan ini, kita perlu peka akan tanggungjawab kita menjaga kesihatan diri sendiri, keluarga termasuk persekitaran kita. Kerana tanpa kita menjaga kesihatan kita akan mudah terdedah dengan bermacam-macam penyakit. Kesihatan adalah satu nikmat yang sangat berharga. Bermula daripada menjaga kesihatan fizikal dan mental adalah tanggungjawab kita sebagai hamba Allah.

Antara perkara yang boleh dilakukan untuk menjaga kesihatan adalah dengan mendapatkan pemakanan seimbang seperti memakan makanan berkhasiat seperti buah-buahan, sayur-sayuran, protein dan karbohidrat yang mencukupi. Seterusnya, bersenam secara berkala dengan melakukan aktiviti fizikal membantu menguatkan badan dan mengurangkan stres. Rehat dan tidur yang mencukupi sekurang-kurangnya enam ke lapan jam sehari penting untuk kesihatan mental dan fizikal. Menjaga kesihatan mental dengan menguatkan kerohanian pula mengurangkan tekanan dengan mengamalkan teknik relaksasi seperti berzikir, membaca Al-Quran, berdoa dan sentiasa bertawakal kepada Allah.

Manakala menjaga keselamatan kita juga amat penting. Seperti diperketatkan undang-undang negara bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Sebagai contoh, keselamatan berbasikal di jalan raya. Dengan adanya papan tanda yang mesti dipatuhi adalah sebagai usaha dalam memastikan persekitaran negara kita menjadi selamat dan aman. Pemanduan yang berhema juga dapat menjamin keselamatan pengguna di jalan raya. Para pengguna juga dinasihatkan mengamalkan doa-doa sebelum memandu dan zikir-zikir yang boleh membantu keselamatan kita ke mana sahaja tujuan kita. Antara zikir yang baik diamalkan ialah :

"Hasbunallah Wanikmal Wakil Nikmal Maula Wanikman Nasir".

Maksudnya : "Cukuplah Allah sebagai penolong kami dan Dia adalah sebaik-baik pelindung, sebaik-baik pemimpin dan sebaik-baik penolong".

Sekian Sidang Pengarang buat kali ini membawa para pembaca untuk sama-sama menamai usaha-usaha kerajaan dalam bidang kesihatan dan keselamatan rakyat. Kesihatan dan keselamatan adalah tanggungjawab bersama. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Sambutan Hari Raya, majlis penghargaan atas sumbangan warga kerja

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Berucap pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Penghargaan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam (BTHMUI) serta anak Syarikat Stesen Minyak Badan Tanmiah yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Berhormat menambah, adanya pentadbiran baharu di Badan Tanmiah itu diharap akan dapat memberikan nafas baharu dan menerajui ke arah yang lebih bersestematik pada masa akan datang nanti.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan, apabila zakat terkumpul dan tidak habis diagihkan maka dari segi hukum wajib diagihkan dan dicari asnaf yang berhak menerimanya. Justeru, Baitulmal merupakan pihak yang ditetapkan dari segi sistem kewangan Islam yang dijalankan sejak dari dulu dalam mengurus hal ehwal harta yang terkumpul dalam sistem pentadbiran Islam.

Sementara itu, Pengarah BTHMUI, Awang Mohammad Hamita bin Haji Md. Taib menekankan kepentingan memperkukuhkan nilai amanah, kebersamaan dan kecemerlangan dalam organisasi. Majlis ini juga mencerminkan penghargaan terhadap sumbangan serta dedikasi warga kerja dalam memajukan BTHMUI secara berterusan.

InsyaAllah menjelang 5 Julai 2026 nanti, jelas Awang Mohammad Hamita, akan genaplah 32 tahun penubuhan BTHMUI sepertimana yang

diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi melaksanakan rancangan pelaburan, bagi mencapai hasrat tersebut pengalaman dan nasihat daripada majlis, lembaga pengarah dan juga kebersamaan padu dari seluruh pegawai dan kakitangan Badan Tanmiah bagi mengembangkan kesemua perancangan amat diperlukan.

Menurutnya, sepanjang tempoh enam bulan memikul tanggungjawab yang diamanahkan untuk memajukan lagi kepelbagaian aset dan penambahbaikan kelancaran proses dalaman Badan Tanmiah, beliau akui ia adalah tugas yang memerlukan komitmen sepenuh masa yang tinggi bagi memikirkan strategi dan tatacara yang berkesan dan dapat dijalankan bagi tempoh masa yang panjang.

Sepanjang tempoh perjalanan tersebut, tambahnya, fokus utama pelaburan tetap diutamakan dan terus konsisten sehingga ke hari ini.

"Jika dilihat daripada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam lantikan Ahli Lembaga Pengarah Sesi 2025-2028 di mana Kebawah DYMM bertitah bagi pertumbuhan harta Baitulmal yang dilaburkan hendaklah melibatkan usaha-usaha mendukung pengusahaan tempatan dalam menyumbang kepada pertumbuhan negara.

"Dengan izin Allah, peramba / kaola / saya melihat ini adalah strategi yang inklusif selari dengan dasar negara untuk mencapai



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bergambar ramai pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Penghargaan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam serta anak Syarikat Stesen Minyak Badan Tanmiah.

Wawasan Brunei 2035 dengan fokus bagi Badan Tanmiah melabur dana kepada projek-projek yang boleh dikembangkan dan meningkatkan aset di bawah pengurusan untuk jangka masa panjang," jelasnya.

Ini tambahnya, juga semangat yang dipamerkan pada majlis hari ini, di mana kesemua meja dikepalai oleh tetamu-tetamu kehormat dan khas daripada Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Lembaga Pengarah dan Panel Penasihat Pelaburan adalah disertai oleh pegawai dan kakitangan Badan Tanmiah jua.

Suasana kebersamaan ini katanya lagi, bukan sahaja memberi peluang beramah mesra dalam suasana Aidilfitri bersama pihak pengurusan tertinggi majlis, lembaga pengarah dan panel penasihat pelaburan tetapi mempamerkan komitmen kerja berpasukan dan pengiktirafan kepada sumbangan warga kerja BTHMUI dulu, sekarang dan akan

datang.

"Kepelbagaian sumber pendapatan mesti diutamakan sebagaimana hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam lima sektor khusus daripada hanya berharap kepada sewa pendapatan hartanah kepada bidang industri baru bagi Badan Tanmiah dan kita sudah mula membuat langkah awal menerokai industri halal bagi tahun ini," ujarnya.

Dalam majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri turut menyampaikan cenderahati kenangan kepada mantan Ahli Lembaga Pengarah BTHMUI serta sijil penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat selama 30, 25, 20, 15 dan 10 tahun sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei dan Pengerusi Lembaga Pengarah BTHMUI, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Panel Penasihat Pelaburan serta pegawai dan kakitangan.

Menjelang Ulang Tahun Ke-32 Penubuhan BTHMUI pada 5 Julai 2026, organisasi ini telah mencatat pelbagai pencapaian hasil kerjasama erat antara kepimpinan, lembaga pengarah dan seluruh warga kerja. Usaha berterusan dilaksanakan dalam memperkukuh strategi pelaburan, meningkatkan kecekapan operasi serta mempelbagaikan sumber pendapatan termasuk dalam industri halal. Pendekatan ini selaras dengan hasrat negara dalam menyokong pembangunan ekonomi dan aspirasi Wawasan Brunei 2035, di samping memastikan pertumbuhan aset yang mampan dan berdaya tahan.

JALINAN UKHUWAH AIDILFITRI ERATKAN SILATURAHIM TENAGA PEMBIMBING, MUSLIMAH

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

TUTONG, Isnin, 6 April. - Bagi mengeratkan lagi silaturahmi yang sedia terjalin serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan tenaga pembimbing dan Muslimah masjid lebih-lebih lagi dalam suasana meraikan keberkatan dan kemeriahan Hari Raya Aidilfitri, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid

Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong menganjurkan program keugamaan, iaitu Jalinan Ukhawah Aidilfitri bagi para tenaga pembimbing dan Muslimah Daerah Tutong.

Penganjurannya adalah bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan diadakan di masjid berkenaan.

Hadir sama pada acara berkenaan, isteri Menteri Hal Ehwal

Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi.

Di samping beramah mesra dan menikmati jamuan, majlis berkenaan turut diserikan dengan pelbagai persembahan antaranya Selawat Sholatul Minallah, Syair Aidilfitri, nyanyian lagu-lagu Hari Raya, berbalas pantun serta persembahan kemahiran membuat pulut panggang.

Selain untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penyampaian lagu-lagu dakwah dan puisi Islam, program berkenaan turut membuka peluang kepada para tenaga pembimbing dan Muslimah untuk menyertai dalam program keugamaan.

Di samping itu, ia juga dihasrat untuk menyemai rasa kasih sayang dan kemesraan dalam kalangan tenaga pembimbing dan Muslimah serta para jempunan.



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi hadir sama pada acara berkenaan (atas dan bawah).



ANTARA yang menyertai program keugamaan, iaitu Jalinan Ukhawah Aidilfitri bagi para tenaga pembimbing dan Muslimah Daerah Tutong.



AIDILFITRI TANDA PERPADUAN, KESYUKURAN, KEBERSAMAAN



■ Siaran Akhbar dan Foto : Hibiscus EP (Brunei) B.V.

HIBISCUS EP (Brunei) B.V. (HEB) baru-baru ini merayakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan mengadakan Majlis Rumah Terbuka yang penuh mesra di The Empire Brunei (kiri dan kanan).



keselamatan dan inisiatif komuniti. "Hari Raya adalah masa untuk membuka pintu dan hati kita. Semoga musim perayaan ini membawa kegembiraan, keamanan dan kemakmuran kepada semua," ujarnya lagi. Para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan meriah oleh penggiat seni dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sambutan seumpama berkecenderungan adalah seiring dengan komitmen Hibiscus untuk terus

menyumbang secara positif kepada NBD selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

>> Muka 1

Ketua Negara dan Pengerusi Hibiscus Petroleum dalam ucapan alu-aluannya menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri

yang penuh bermakna dengan menekankan nilai perpaduan, kesyukuran dan kebersamaan. Beliau turut berkongsi pencapaian serta sasaran syarikat, termasuk penglibatan baharu

dalam industri yang menandakan kemaskini Hibiscus yang semakin berkembang dalam sektor tenaga di Negara Brunei Darussalam (NBD), di samping kemajuan berterusan dalam aspek



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan kepada para penerima, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapannya menjelaskan, majlis berkenaan merupakan satu detik yang amat bermakna dan bersejarah, setelah permohonan

kesemua Sijil Taraf Kerakyatan melalui proses yang teliti, telah berlandaskan peruntukan undang-undang serta dengan limpah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memperkenankan permohonan berkenaan untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia sama ada melalui penguasaan atau pendaftaran di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15. "Alhamdulillah, tuan-tuan dan

puan-puan kini merupakan sebahagian daripada rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sentiasa berpegang teguh kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja. Falsafah ini menjunjung tinggi nilai keamanan, kestabilan dan keharmonian sebagai asas kekuatan nasional. "Dalam usaha mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara, tanggungjawab ini tidak terletak semata-mata di bahu kerajaan, malah memerlukan penglibatan seluruh negara dan penduduk melalui pendekatan Whole of Nation, di mana setiap individu memainkan peranan sebagai sebahagian daripada ekosistem keselamatan dan ketahanan negara," ujar Yang Berhormat lagi. Jelas Yang Berhormat lagi, sejak 2022 hingga Mac 2026, seramai 7,477 orang telah dikurniakan taraf kerakyatan NBD, manakala dalam tempoh 2023 hingga Mac 2026, seramai 2,687 orang telah diluluskan untuk menjadi Penduduk Tetap NBD. Turut hadir pada majlis



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan kepada para penerima (atas kiri), manakala gambar atas, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN; ketua-ketua jabatan, Pegawai-pegawai Kanan KHEDN serta pegawai-pegawai dan kakitangan JIPK. Para penerima terdiri daripada mereka yang memohon taraf kerakyatan NBD di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal


15, iaitu di bawah Bab 5(1) dan 8(1) dan telah lulus dalam Ujian Bahasa Melayu secara bertulis dan secara lisan, di bawah Bab 6(1), iaitu terdiri daripada anak-anak kepada ibu warganegara Brunei, anak-anak kepada ayah warganegara Brunei dan anak-anak angkat kepada ibu bapa angkat warganegara Brunei dan juga di bawah Bab 5(6) terdiri daripada isteri-isteri kepada suami warganegara Brunei.



سورھنجاي ڦر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



3



WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

TINGKATKAN KESEDARAN, KOMITMEN TERHADAP KESIHATAN, KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2026.

Jelas Yang Berhormat lagi, tema berkenaan amat selaras dengan hala tuju yang telah diambil oleh NBD dalam memelihara kesihatan rakyat dan penduduknya. Kementerian Kesihatan percaya bahawa cabaran kesihatan pada zaman ini termasuk kemunculan penyakit berjangkit yang baharu, rintangan antimikrob, perubahan iklim dan kerosakan alam sekitar adalah tidak dapat ditangani oleh mana-mana sektor secara bersendirian.

Ancaman-ancaman berkenaan kata Yang Berhormat merentasi sempadan antara kesihatan manusia, kesihatan haiwan, dan ekosistem kita. Semua berkenaan memerlukan satu respons yang bersepadu, berteraskan sains dan bersifat kolaboratif.

"Inilah asas kepada pendekatan One Health-satu rangka kerja yang bersepadu yang mengiktiraf bahawa hubungan di antara kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan dan ekosistem adalah tidak dapat dipisahkan.

"One Health bukan sekadar satu konsep, ia adalah komitmen untuk bekerja merentasi kementerian, disiplin dan sempadan bagi membina sebuah negara yang lebih sihat dan lebih berdaya tahan.

"NBD telah mengambil langkah-langkah yang konkrit dalam memajukan agenda One Health di peringkat nasional. Pada April 2025, Kementerian Kesihatan telah berjaya menganjurkan bengkel National Bridging

Workshop dengan sokongan daripada organisasi-organisasi Quadripartite, iaitu WHO, Pertubuhan Dunia untuk Kesihatan Haiwan (WOAH), Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO), serta Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP)," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya mengongsikan bahawa bengkel berkenaan telah mengumpulkan lebih daripada 60 pakar dan pegawai daripada sektor kesihatan manusia, haiwan, dan alam sekitar di NBD. Bengkel yang diadakan selama tiga hari berkenaan telah mengumpulkan para peserta untuk bekerjasama dan seterusnya mengenal pasti kekuatan dan jurang yang sedia ada dalam komunikasi, perancangan dan tindak balas kecemasan merentas sektor.

Melalui senario seperti wabak penyakit zoonotik dan ancaman alam sekitar jelas Yang Berhormat lagi, para peserta mendapat gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana sektor-sektor berinteraksi dan kerjasama boleh dipertingkatkan. Bengkel berkenaan berakhir dengan pembangunan secara bersama sebuah pelan hala tuju atau *roadmap* yang jelas dan boleh dilaksanakan dengan tanggungjawab yang ditetapkan oleh pelbagai sektor dan akan membimbing pelaksanaan bersepadu aktiviti-aktiviti One Health di NBD.

"Kementerian Kesihatan dengan kerjasama WHO, FAO dan WOAH juga baru-baru ini telah menganjurkan bengkel One Health Zoonotic Disease Prioritisation Workshop pada Februari 2026.

"Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada sektor

kesihatan manusia, kesihatan haiwan dan alam sekitar bagi mengenal pasti penyakit-penyakit zoonotik yang paling membimbangkan di NBD.

"Melalui satu proses yang berstruktur dan berasaskan bukti, para peserta telah menilai penyakit-penyakit berdasarkan potensi kesannya terhadap kesihatan awam, kesihatan haiwan, dan alam sekitar.

"Hasil bengkel ini akan memaklumkan strategi-strategi pengawasan, persediaan, dan tindak balas yang lebih disasarkan, bagi memastikan sumber-sumber yang terhad digunakan di tempat yang paling diperlukan dan semua sektor selaras dalam menentukan keutamaan masing-masing," kata Yang Berhormat lagi.

Dalam perutusan berkenaan juga, Yang Berhormat menjelaskan tema Hari Kesihatan Sedunia 2026 mengingatkan kita bahawa kemajuan dalam kesihatan awam dibina atas asas bukti saintifik dan kerjasama pelbagai sektor. Vaksin, sistem pengawasan penyakit, alat pengesanan awal dan dasar kesihatan awam semuanya adalah hasil sains dan kerjasama.

Apabila kita berpegang kepada sains, tambah Yang Berhormat lagi, kita memilih untuk melindungi dan menyelamatkan nyawa. Oleh itu, Kementerian Kesihatan menyeru agar semua pihak untuk sentiasa mempercayai maklumat yang berasaskan sains dan menolak penyebaran maklumat yang salah, terutama sekali dalam era perkongsian maklumat digital yang pantas ini.

"Kesihatan bukan sahaja tanggungjawab kerajaan dan petugas kesihatan, ia adalah tanggungjawab bersama dan kita semua memainkan peranan yang penting untuk menjaga kesihatan masing-masing. Kementerian Kesihatan menyeru agar setiap



rakyat dan penduduk NBD untuk mempercayai dan bertindak berdasarkan bukti saintifik bagi melindungi kesihatan diri sendiri dan orang-orang yang tersayang.

"Masyarakat juga digalakkan untuk menyokong program vaksinasi, langkah-langkah kesihatan awam, dan penggunaan ubat-ubatan yang bertanggungjawab, terutamanya antimikrob atau *antibiotics* demi memelihara keberkesannya untuk generasi akan datang.

"Tema 'Bersama Untuk Kesihatan. Teguh Bersama Sains' adalah inti pati daripada usaha

berterusan kita untuk memastikan setiap rakyat dan penduduk di NBD menikmati kehidupan yang sihat, selamat dan sejahtera. Dengan kerjasama semua pihak termasuk kerajaan, sektor swasta, masyarakat, profesional kesihatan dan dengan sokongan rakan-rakan antarabangsa dari WHO, WOAH, FAO, UNEP, insyaaAllah, kita akan dapat membina sebuah masyarakat yang mempunyai masa depan yang lebih sihat, lebih berdaya tahan, dan lebih cerah untuk generasi akan datang," ujar Yang Berhormat lagi mengakhiri perutusannya.

Memupuk semangat untuk terus maju bersama

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Persekutuan Peniaga - Peniaga Melayu Brunei (PPMB) petang tadi

mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di sebuah hotel di Kiulap.

Hadir bagi sama-sama memeriahkan lagi acara, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Juga hadir sama, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Guterres; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd Aini Atan; dan perwakilan dari Kedutaan Besar Republik Indonesia di negara ini.

Acara diisikan dengan penyampaian cenderamata



PERSEKUTUAN Peniaga - Peniaga Melayu Brunei (PPMB) semasa mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di sebuah hotel di Kiulap (atas dan kiri).

kepada saudara-saudara baharu dari Persatuan Nurul Islam (PNI) dan kemudian menikmati jamuan.

Majlis juga diserikan lagi dengan beberapa persembahan lagu Hari Raya daripada Ahli-ahli PPPMB dan seterusnya mengikuti

cabutan hadiah bertuah.

Majlis seumpama berkenaan menunjukkan komitmen dalam kalangan ahli-ahli dan keluarga dalam mengeratkan lagi silaturahim dan bersama-sama meraikan sambutan yang

gilang-gemilang.

Di samping itu, memupuk semangat untuk terus maju bersama dan mengukuhkan lagi iltizam untuk terus menyokong dan memajukan peniaga-peniaga Melayu di negara ini.

PUPUK PERKONGSIAN PENGETAHUAN, KERJASAMA AUSTRALIA, NBD



PENGARAH Urusan Petroleum Authority of Brunei Darussalam, Shamir Salahudin hadir pada Bengkel Penyahtauliah. Juga hadir, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (atas), manakala gambar bawah, ucapan alu-aluan daripada Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Petroleum

Authority menganjurkan Bengkel Penyahtauliah di ibu negara baru-baru ini. Bengkel tersebut bertujuan

untuk memupuk perkongsian pengetahuan dan kerjasama antara Australia dan NBD sebagai sebahagian daripada Australia's



Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam

Invested: Australia's Southeast Asia Economic Strategy to 2040.

Program dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Pengarah Urusan Petroleum Authority of Brunei Darussalam, Shamir Salahudin, diikuti dengan ucapan alu-aluan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Hoy.

Pengarah Urusan Petroleum Authority of Brunei Darussalam menekankan bahawa "NBD mengambil peluang ini untuk belajar daripada pengalaman Australia dalam penyahtauliah, terutamanya dalam membangunkan rangka kerja kawal selia yang teguh dan membina keupayaan industri".

TYT Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD menegaskan semula komitmen Australia untuk "menyokong pembangunan Brunei bagi sektor penyahtauliah yang selamat, mampan dan berdaya maju secara komersial, sambil mewujudkan peluang untuk penglibatan industri yang lebih erat antara kedua-dua negara".

Bengkel dimulakan dengan pembentangan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Pusat Penyahtauliah Australia (CODA), Dr. Francis Norman, yang berkongsi pandangan dan idea praktikal tentang membina ekosistem

penyahtauliah yang mampan.

Dr. Norman turut berkongsi pemerhatian mengenai rangka kerja kawal selia dan pertimbangan strategik yang berkaitan dengan industri penyahtauliah masa depan NBD.

Ashton Hincksman dan Robert Smith, Rakan Kongsi Urusan di Pengurusan Sumber Alam Sekitar (ERM) Australia berkongsi kepakaran mereka tentang bahan berbahaya dan pertimbangan keselamatan dan alam sekitar utama yang terlibat dalam penyahtauliah luar pesisir.

Bengkel diakhiri dengan perbincangan soal jawab dengan para hadirin, memudahkan pertukaran perspektif mengenai prospek penyahtauliah luar pesisir, pertimbangan kawal selia, kesediaan industri, dan bidang yang berpotensi untuk kerjasama antara pihak berkepentingan NBD dan industri Australia.

Acara tersebut mencerminkan perkongsian kukuh antara Suruhanjaya Tinggi Australia dan Petroleum Authority of Brunei Darussalam, dan komitmen bersama mereka untuk menyokong pembangunan profesional, pemindahan kemahiran, dan penglibatan industri yang berterusan dalam sektor penyahtauliah Brunei yang baru muncul.

Mendukung kesiapsiagaan bencana, sistem amaran awal



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

GADONG, Isnin, 6 April. - ASEAN berdepan dengan risiko bencana yang semakin kompleks dan kian meningkat, yang diburukkan lagi oleh perubahan iklim.

Kejadian-kejadian mutakhir telah mengingatkan kita bahawa ancaman kini menjadi lebih serius, sukar diramal dan saling berkait.

Dalam persekitaran ini, keupayaan untuk menukarkan maklumat cuaca dan iklim kepada keputusan yang tepat pada masanya serta boleh diambil tindakan bukan lagi satu pilihan, malah satu keperluan.

Inilah kunci untuk melindungi nyawa, memelihara sumber rezeki, dan membina daya tahan dalam kalangan komuniti kita.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan),

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salmin bin Haji Burut, selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan ASEAN Cross-Sectoral Workshop on Enhancing Weather and Climate Information for Disaster Management yang berlangsung di The Centrepont Hotel, Gadong.

Bengkel ini tambahnya, menghimpunkan dua sektor penting dalam pengurusan risiko bencana, iaitu Organisasi Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMO) dan Perkhidmatan Hidrometeorologi Kebangsaan.

Jelasnya lagi, ia menyediakan platform yang amat bernilai untuk memperkukuh kerjasama antara pihak yang menghasilkan data saintifik dan pihak yang mengaplikasikannya di lapangan.

"Di Negara Brunei Darussalam, kami mengiktiraf kepentingan

penyelarasan rapat antara pihak berkuasa pengurusan bencana, perkhidmatan meteorologi, dan institusi berkaitan iklim. Kami menantikan peluang untuk berkongsi pengalaman serta mempelajari amalan yang pelbagai daripada negara-negara anggota ASEAN yang lain," ujarnya lagi.

Dalam ucapannya, beliau turut menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama serantau serta mengintegrasikan maklumat berasaskan sains dalam usaha pengurangan risiko bencana.

Perkara ini tambahnya, adalah selaras dengan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam mempertingkatkan daya tahan dan pembangunan mampan sebagaimana digariskan dalam kerangka dasar kebangsaan serta mekanisme serantau seperti AADMER (ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response).

ASEAN Cross-Sectoral



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan ASEAN Cross-Sectoral Workshop on Enhancing Weather and Climate Information for Disaster Management dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai (atas dan kiri).

Workshop on Enhancing Weather and Climate Information for Disaster Management dan The 6th AHA Centre Information Management Network (AIM-NET) dikendalikan bersama oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan ASEAN coordinating centre for Humanitarian Assistance in disaster management (AHA Centre) berlangsung selama empat hari berturut-turut di NBD selaku tuan rumah, bermula hari ini hingga 9 April 2026.

Bengkel ini menghimpunkan wakil-wakil dari Negara-negara Anggota ASEAN, badan sektoral ASEAN yang berkaitan serta rakan serantau bagi memperkukuh kerjasama pentas sektor antara komuniti pengurusan bencana dan meteorologi.

la bertujuan untuk meningkatkan

penggunaan maklumat cuaca dan iklim dalam menyokong kesiapsiagaan bencana, sistem amaran awal serta pembuatan keputusan berasaskan risiko (*risk informed decision-making*) di rantau ini.

Penganjuran acara serantau ini mencerminkan keyakinan ASEAN terhadap peranan aktif NBD dalam memperkukuh kerjasama serantau serta memajukan agenda daya tahan bencana melalui pendekatan yang inklusif dan bersepadu.

Turut hadir menyertai bengkel tersebut ialah Pengarah Eksekutif Pusat AHA, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke NBD, Ketua Pasukan dan Kaunselor (Sosio-Budaya), Misi UK ke ASEAN, Wakil Badan Sektoral dan rakan kongsi ASEAN, Sekretariat ASEAN dan Pasukan Pengurusan Projek Pusat AHA.

KEMPEN KEBERSIHAN PASTIKAN PANTAI KEKAL TERJAGA



JERUDONG, Selasa, 7 April. - Dalam memupuk semangat dan kesedaran mengenai pentingnya memelihara alam sekitar seramai 200 orang menyertai Kempen Kebersihan Kawasan Persekitaran Pantai Jerudong anjuran Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Dalam temu bual bersama Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim selaku tetamu kehormat berkata, Kempen Kebersihan ini telah dilaksanakan pada awal Februari lepas.

Menurutnya, para penaja pada masa ini telah beroperasi di tepi jalan dan telah dipindahkan buat sementara di kawasan letak kereta Pasar Jerudong dalam kawasan gazet Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

"Gerai yang diuruskan secara rasmi oleh Majlis Perundingan Kampung Jerudong dengan sokongan Jabatan Daerah Brunei

dan Muara. Respons daripada orang ramai yang hadir dan dari media sosial juga meluahkan kepuasan hati dengan susunan yang lebih kemas dan selamat," jelasnya.

Pada hari ini, ujarnya, Jabatan Daerah menganjurkan Kempen Kebersihan besar-besaran di gerai dan pantai untuk memastikan kekal terjaga.

Kongsinya lagi, pada minggu lepas ada satu jentera berat telah membersihkan semak yang tebal agar memberikan ruang bot yang baharu yang akan digunakan nanti yang akan diuruskan oleh MPK Jerudong.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Timbalan Pengerusi MPK Jerudong 'B' dan seterusnya taklimat ringkas mengenai kempen tersebut disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A', Muhammad Nazmi Fa'iz bin Haji



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara selaku tetamu kehormat pada Kempen Kebersihan Kawasan Persekitaran Pantai Jerudong anjuran Jabatan Daerah Brunei dan Muara. Turut menyertai dalam kempen tersebut ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat (kiri). Manakala gambar atas, antara yang menyertai kempen berkenaan.

Abu Bakar.

Turut menyertai dalam kempen tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat; pegawai dan kakitangan dari Unit Estet, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Daerah Brunei dan Muara; Jabatan Perancang Bandar dan Desa; pasukan beruniform terdiri daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Bomba dan Penyelamat serta Pemangku Penghulu Mukim Sengkuring dan ketua-ketua kampung di bawah Mukim Sengkuring bersama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Sengkuring.

KEMPEN Kebersihan di gerai dan pantai untuk memastikan kekal terjaga.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Pengundian, pemilihan calon Penghulu Mukim Mentiri

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ihsan Jabatan Daerah Brunei dan Muara



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir pada majlis tersebut. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, selaku wakil Daerah Zon 3 dan juga Ketua Kampung Subok (kanan), manakala gambar atas dan bawah, suasana Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Mentiri berlangsung selama dua hari iaitu pada 3 dan 5 April 2026 di Dewan Kemasyarakatan Mentiri.



MENTIRI, Ahad, 5 April. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Mentiri berlangsung selama dua hari iaitu pada 3 dan 5 April 2026 di Dewan Kemasyarakatan Mentiri, di sini, dengan pengundian dan pemilihan calon Penghulu Mukim Mentiri berkenaan menggunakan kaedah kertas undi dan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat I,

Masjid Kampung Mentiri, Awang Haji Mohd. Ali Taufiq bin Haji Aji.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Mentiri menyaksikan Awang Mohammad Jeffery bin Haji Abd. Latiff mendapat sebanyak 538 undian setuju, satu undian tidak dan enam undian rosak.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji

Hashim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat selaku wakil Daerah Zon 3 dan juga Ketua Kampung Subok.

Keputusan pengundian dan pemilihan calon ketua kampung akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

MENINGKATKAN PENGETAHUAN, KESEDARAN MENGENAI PENGGUNAAN BAJA LEBIH EFEKTIF

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin



MUKIM BOKOK, Isnin, 6 April. - Jerayawara Pengenalan Inovasi Baja Cecair Nano-Teknologi Pertama Buat Tempatan diteruskan lagi ke bumi Permata Hijau dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong hari ini.

Hadir pada jerayawara bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie di sini, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau serta para penduduk kampung kawasan sekitarnya.

Pengurus Am Agrodynamics, Awang Muhd. Izan Azwan bin Awang Yahya dalam ucapan alu-aluannya berkata, melalui program berkenaan pihaknya akan mengadakan beberapa pengisian utama seperti pembentangan mengenai produk, demonstrasi ringkas penggunaan baja serta sesi perbincangan bagi pihak potensi pelaksanaan.

Jelasnya lagi, dengan adanya

program atau inisiatif pertanian bersama komuniti setempat, pihaknya percaya melalui pendekatan berkenaan bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai penggunaan baja yang lebih efektif malah dapat membantu meningkatkan hasil pertanian secara mampan.

"Adalah menjadi harapan kami agar program ini dapat membuka lebih banyak peluang kerjasama di samping memberi ruang kepada kami untuk berkongsi inovasi pertanian tempatan yang berpotensi menyokong pembangunan sektor pertanian di Daerah Temburong.

"Kami juga berharap agar usaha ini dapat menjadi titik pemulaan kepada hubungan jangka panjang yang memberi manfaat kepada semua pihak khususnya dalam memperkukuh ekonomi komiti luar bandar melalui sektor pertanian," ujarnya.

Pada majlis berkenaan juga diselenggarakan dengan pelancaran muzik video, iaitu 'Dynamics Grow, Bersama Kita Maju!' oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Setelah itu, pengenalan produk



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir pada jerayawara bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok di Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau (atas), manakala gambar kiri dan bawah kanan, sekitar Jerayawara Pengenalan Inovasi Baja Cecair Nano-Teknologi Pertama Buat Tempatan.

Dynamics Grow disampaikan oleh Penyelaras Penjualan dan Pemasaran, Awang Mohammad Safwan bin Puspa Wira dan seterusnya demonstrasi penggunaan baja cecair daripada Penyelia Ladang, Awang Muhd. Sazrin Addyfaid bin Abdul Aziz; dan Juruteknik Makmal, Dayang Nurkhairah Muti'ah binti Kambrin.

Program jerayawara berkenaan diadakan bertujuan untuk meneroka peluang kerjasama dalam memperkasa aktiviti pertanian komuniti khususnya melibatkan penduduk serta para petani di Daerah Temburong.

Ditubuhkan pada 2022, Syarikat Dynamics Grow adalah khusus dalam pengeluaran baja cecair teknologi nano mesra alam dan matlamat syarikat ialah menjadi peneraju dalam pertanian pintar berketepatan tinggi melalui integrasi teknologi Internet of Things (IoT), dengan sokongan penuh dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Produk baja cecair keluaran syarikat berkenaan ialah Terra Nutrio yang berfungsi sebagai menambah baik struktur tanah, seimbangkan nilai pH tanah dan

meningkatkan penyerapan MPK dalam tumbuhan dalam masa 24 jam dan juga menstabilkan Nitrogen, meningkatkan kecekapan penggunaan serta menggabungkan Fosfat bagi mengurangkan masalah penguncian nutrien dalam tanah.

Baja cecair Hi-N pula kaya dengan Nitrogen, sesuai untuk tanaman awal dan sayur serta untuk semua jenis tanaman. Ia juga tersedia dalam bentuk

Ready-to-Use (RTU).

Manakala baja cecair Hi-P pula kaya dengan Fosforus yang sesuai untuk akar dan untuk semua jenis tanaman serta berfungsi untuk mempercepat perkembangan akar.

Sementara baja cecair Hi-K selain kaya dengan Potassium, ia juga sesuai untuk pohon buah dan pokok bunga serta untuk semua jenis tanaman. Ia juga tersedia dalam bentuk RTU dan pekat.



SEKOLAH Tunas Jaya Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, Madang mengadakan Sambutan Hari Raya di sekolah berkenaan (atas dan kanan).

Berita dan Foto : Ihsan Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei

MADANG, Isnin, 6 April. -Suasana Hari Raya Aidilfitri masih terasa dan terus diraikan khususnya dalam kalangan murid sekolah.

Sehubungan itu, Sekolah Tunas Jaya (STJ) Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Madang telah mengadakan Sambutan Hari Raya di sekolah berkenaan.

Sambutan berkenaan bertujuan

untuk mengeratkan silaturahmi dalam kalangan guru-guru, murid-murid, kakitangan sekolah serta Ahli Jawatankuasa PGGMB.

Selain itu, ia juga memberi peluang kepada murid-murid untuk menonjolkan bakat dan kreativiti melalui pelbagai persembahan dan lakonan pentas, di samping mewujudkan suasana ceria serta

Sambutan Hari Raya perkukuhkan silaturahmi warga PGGMB



gembira selepas menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan dan lagu sekolah.

Acara kemudian diserikan dengan pelbagai persembahan termasuk nyanyian lagu Hari Raya dan lakonan daripada murid-murid Kindergarten 1 hingga Kindergarten

3 serta Tahun 1 hingga Tahun 6. Turut diadakan ialah Pertandingan Pakaian Tercantik bagi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan.

Hadir sama memeriahkan majlis, Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Pengerusi Tetap PGGMB, Dayang Hajah Hanipah binti Haji Apong; Guru Besar STJ PGGMB Madang,

Dayang Surimah binti Kawi serta para guru, kakitangan dan murid sekolah.

Penyampaian hadiah bagi Persembahan Terbaik untuk Kategori Kindergarten 1 hingga Kindergarten 3 dan Tahun 1 hingga Tahun 6 serta Pertandingan Pakaian Tercantik Lelaki dan Perempuan telah disempurnakan oleh Yang Dipertua PGGMB.

SEMARAKKAN KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI RAYA BERSAMA MUALAF

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



BELAIT, Selasa, 7 April. - Hari Raya Aidilfitri disambut sebagai hari kemenangan bagi umat Islam setelah sebulan menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan.

Dalam usaha mempererat ukhuwah serta menyemarakkan syiar Islam, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pengembangan Da'wah (Da'wah Khas) dan Cawangan Da'wah Daerah Belait telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama penghuni Rumah Panjang Kampung Teraja serta

penduduk kampung sekitarnya yang terdiri daripada saudara-saudara baharu (mualaf) dan masyarakat bukan Islam, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat dan Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman selaku Ketua



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama penghuni Rumah Panjang Kampung Teraja serta penduduk kampung sekitarnya. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Bukit Sawat (atas). Manakala gambar kiri, majlis ini juga berperanan sebagai platform untuk mempererat lagi hubungan silaturahmi antara penghuni Rumah Panjang Kampung Teraja dan penduduk kawasan sekitarnya, sama ada masyarakat Islam, mualaf mahupun bukan Islam dengan para pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah.

Rombongan dari PDI, KHEU.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk menyemarakkan kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama mualaf, di samping memperkenalkan keindahan dan nilai-nilai murni perayaan Islam kepada masyarakat bukan Islam.

Majlis ini juga berperanan sebagai platform untuk mempererat lagi hubungan silaturahmi antara penghuni Rumah Panjang Kampung Teraja dan penduduk kawasan sekitarnya,

sama ada masyarakat Islam, mualaf mahupun bukan Islam dengan para pegawai dan kakitangan PDI.

Selain sesi ramah mesra, atur

cara majlis juga dimuatkan dengan penyampaian hamper dan sagu hati kepada saudara-saudara baru dan masyarakat bukan Islam di kawasan berkenaan.

Memupuk inovasi dalam organisasi pengawalseliaan antarabangsa



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Majlis Perasmian 36th Asia Pacific Telecommunity (APT) Wireless Group Meeting (AWG-36) telah berlangsung di Rizqun International Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir, Setiausaha Agung APT, Dr. Masanori Kondo; Ketua Eksekutif Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar; Pengerusi AWG, Dr. Daejung Kim serta beberapa pegawai dari MTIC dan AITI.

Dianjurkan oleh APT dan dihoskan oleh AITI, Mesyuarat AWG Ke-36 akan membincangkan serta merancang bagaimana teknologi tanpa wayar seperti rangkaian mudah alih, 5G dan inovasi masa hadapan dapat dibangunkan serta digunakan secara berkesan di seluruh rantau Asia-Pasifik.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin

oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Morni bin Haji Nayan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Agung APT, Dr. Masanori Kondo, di mana beliau menekankan usaha kolektif lebih 400 perwakilan dalam memajukan penyelarasan spektrum serantau dan inovasi tanpa wayar.

Ucapan tersebut turut menekankan misi penting kumpulan ini dalam membangunkan piawaian teknikal dan laporan yang akan membentuk masa depan teknologi baharu di rantau Asia-Pasifik dan merakamkan penghargaan kepada negara tuan rumah dan AITI atas sokongan dalam mengukuhkan kerjasama serantau yang penting ini.

Ucapan pembukaan oleh Dr. Daejung Kim menekankan keperluan kritikal bagi penyelarasan serantau ketika industri beralih ke arah 6G dan rangkaian berasaskan Kecerdasan Buatan (AI).

Beliau berikrar untuk mengutamakan keterhubungan inklusif dan pembangunan kapasiti bagi memastikan kemajuan teknologi menyumbang kepada kemakmuran bersama di rantau Asia-Pasifik yang pelbagai.

Pengerusi turut menyeru pembangunan garis panduan praktikal dan mudah diakses yang mencerminkan nilai serantau serta merapatkan jurang digital antara ekonomi anggota.

Ucapan perasmian oleh Ir. Haji Mohammad Nazri menekankan kepentingan kerjasama serantau dalam menyelaraskan spektrum serta memajukan teknologi 5G dan satelit.

Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, beliau menyoroti sistem identiti digital BruneiID dan mengumumkan 5G Testbed for Emerging Technologies. Inisiatif *sandbox* ini, yang diterajui oleh AITI dengan kerjasama dua institusi pengajian tinggi utama, direka untuk mempercepatkan inovasi dalam sektor kritikal seperti pertanian pintar dan AI.

Ucapan diakhiri dengan seruan kepada para perwakilan untuk memanfaatkan tindakan kolektif dalam membentuk masa depan yang saling berhubung dan mampan bagi rantau Asia-Pasifik.

Seramai 178 peserta telah menghadiri secara fizikal bermula 6 April hingga 10 April 2026 terdiri daripada pakar, wakil kerajaan, dan pemain industri yang akan membangunkan serta merancang bagaimana teknologi tanpa wayar seperti rangkaian mudah alih, 5G, dan inovasi masa hadapan dapat dibangunkan serta digunakan secara berkesan di rantau Asia-Pasifik.

Hasil mesyuarat ini bertujuan untuk memacu penyelarasan spektrum serantau dan pelaksanaan sistem radiokomunikasi yang cekap di Asia-Pasifik.

Dengan menyokong ahli APT melalui pengurusan frekuensi yang berkesan dan penggunaan teknologi yang kos efektif, kumpulan ini berusaha untuk memupuk inovasi sambil memastikan suara serantau yang bersatu dalam organisasi pengawalseliaan antarabangsa.

Komitmen NBD perkukuh kerjasama geosains serantau, antarabangsa

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

JERUDONG, Selasa, 7 April. – Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan telah secara rasmi menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Kali Ke-86 bagi Coordinating Committee for Geoscience Programmes in East and Southeast Asia (CCOP) yang berlangsung bermula 6 hingga 9 April 2026 di The Empire Brunei.

Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar.

Penganjuran ini merupakan satu pencapaian penting kerana ini adalah kali pertama Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Pandu sejak menyertai CCOP secara rasmi pada tahun 2020.

Dalam ucapan alu-aluannya, Awang Haji Shaharuddin Khairul menegaskan bahawa penganjuran mesyuarat ini mencerminkan komitmen Negara Brunei Darussalam yang semakin kukuh terhadap kerjasama geosains serantau.

Beliau turut menyatakan bahawa peluang ini melambangkan kesediaan Negara Brunei Darussalam untuk memainkan peranan yang lebih aktif serta memperketatkan kerjasama dengan negara-negara ahli dalam mencapai matlamat bersama.

Dalam sesi pembukaan tersebut, Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Ir. Norazmi bin Othman, selaku Perwakilan Tetap Brunei Darussalam ke CCOP, turut menekankan kepentingan dan impak kerjasama ini.

Beliau menyatakan bahawa kerjasama serantau kini lebih penting berbanding sebelumnya, memandangkan rantau ini berdepan dengan cabaran kompleks merangkumi bahaya geologi seperti tanah runtuh dan banjir serta keperluan pengurusan mampan sumber air tanah dan mineral strategik.

Beliau seterusnya mengongsikan contoh inisiatif CCOP, termasuk bengkel di bawah ASEAN-Korea Cooperation Fund (AKCF) serta latihan khusus dalam pengurusan data geosains, yang telah menyumbang kepada pengukuhan kepercayaan nasional, khususnya dalam penilaian tanah runtuh dan penerokaan mineral.

Sejak menyertai CCOP enam tahun yang lalu, Negara Brunei Darussalam kekal komited kepada prinsip bahawa kekuatan CCOP terletak pada hubungan erat, kepercayaan, kerjasama serta matlamat bersama yang dikongsi dalam kalangan rakan kerjasama serantau.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan bergambar ramai pada Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Kali Ke-86 bagi Coordinating Committee for Geoscience Programmes in East and Southeast Asia.

Perbelanjaan Haji Yang Diwasiatkan Melebihi Sepertiga Harta Peninggalan

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

WASIAT menurut syara' ialah pemberian hak milik secara sukarela tanpa balasan untuk dilaksanakan selepas kematian pewasiat seperti berwasiat menyedekahkan hartanya kepada anak-anak yatim, melaksanakan ibadah korban, memberikan hartanya kepada kerabat yang tidak memperoleh bahagian dalam harta peninggalan dan lain-lain. Ia merupakan salah satu perkara yang disyariatkan dalam Islam berdasarkan firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Sesudah dilaksanakan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati daripada harta itu dan sesudah dibayarkan hutangnya.

(Surah an-Nisa' : 11)

Hukum asal berwasiat adalah sunat dengan tidak melebihi sepertiga daripada harta peninggalan pewasiat sebagaimana sabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam :

Maksudnya : (Wasiat itu) sepertiga dan sepertiga itu banyak. Sesungguhnya sekiranya engkau meninggalkan warismu (dalam keadaan) kaya adalah lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka (dalam keadaan) melarat meminta-minta kepada manusia.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Pengiraan sepertiga daripada harta peninggalan bagi wasiat itu dilaksanakan setelah ditunaikan perbelanjaan pengurusan jenazah dan hutang-hutangnya, sama ada hutangnya kepada manusia atau terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala seperti zakat dan sebagainya. Setelah perbelanjaan pengurusan jenazah dan hutang-hutang pewasiat dilunaskan daripada harta peninggalannya, maka pengiraan sepertiga untuk wasiat dikira daripada baki harta peninggalannya. Setelah wasiat ditunaikan, baharulah pembahagian harta kepada ahli-ahli waris yang berhak.

Berbalik kepada pelaksanaan wasiat yang hanya menghadkan sepertiga daripada harta peninggalan, timbul persoalan apabila seseorang berwasiat untuk ditunaikan haji bagi dirinya, adakah boleh melebihi sepertiga daripada harta peninggalan jika perbelanjaan haji tidak mencukupi? Berikut penjelasan mengenainya.

Berwasiat mengenai haji terbahagi kepada dua iaitu berwasiat haji fardhu dan berwasiat haji sunat. Sekiranya seseorang berwasiat kepada washi (orang yang melaksanakan wasiat) untuk menunaikan haji bagi dirinya, maka perbelanjaan untuk melaksanakan haji tersebut sama ada boleh melebihi sepertiga daripada harta peninggalan atau tidak adalah tertakluk kepada haji yang dilaksanakan sama ada ia haji fardhu atau haji sunat.

Wasiat Haji Fardhu

Orang yang meninggal dunia sedangkan kewajipan haji masih tertanggung ke atasnya iaitu semasa hidupnya dia mampu untuk mengerjakan haji tetapi tidak dikerjakannya, maka wajib dikerjakan haji untuk dirinya daripada harta peninggalannya walaupun si mati tidak berwasiat sedemikian. Ini kerana keadaannya yang mampu untuk menunaikan haji fardhu ketika masih hidup namun dia belum atau tidak melaksanakannya sehingga dia meninggal dunia menyebabkannya berhutang dengan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Hutang itu pula masih dalam tanggungannya selama mana belum ditunaikannya. Ini sama kedudukannya seperti zakat yang belum dikeluarkan atau hutang-hutang kepada manusia yang belum dilunaskannya, pelunasannya wajib dikeluarkan daripada harta peninggalannya setelah ditunaikan perbelanjaan pengurusan jenazah iaitu sebelum pelaksanaan wasiat dan pembahagian harta waris.

Dalam sebuah hadits diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, katanya :

Maksudnya : Seorang perempuan telah datang menemui Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan dia berkata : "Sesungguhnya ibuku telah bernazar untuk mengerjakan haji lalu dia meninggal dunia sebelum dia (sempat) mengerjakan haji, adakah aku boleh mengerjakan haji bagi pihaknya?" Baginda bersabda : "Ya, kerjakanlah haji untuknya. Apa pandanganmu sekiranya ibumu mempunyai hutang, adakah engkau melunaskannya?" Dia menjawab : "Ya." Lalu Baginda bersabda : "Lunaskanlah (hutang kepada) Allah. Sesungguhnya hutang (kepada Allah) lebih berhak dilunaskan."

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Sekiranya pewasiat mewasiatkan kepada washi untuk melaksanakan haji fardhu bagi dirinya tanpa menyebut perbelanjaan bagi menjalankan wasiat tersebut diambil daripada keseluruhan harta peninggalan atau dari sepertiga daripada harta peninggalannya, maka perbelanjaan hendaklah diambil daripada keseluruhan harta peninggalannya setelah ditunaikan perbelanjaan pengurusan jenazah walaupun perbelanjaan haji fardhu melebihi sepertiga daripada harta peninggalannya.

Sekiranya pewasiat mewasiatkan kepada washi untuk melaksanakan haji fardhu bagi dirinya dengan menyatakan perbelanjaan haji tersebut diambil dari sepertiga daripada harta peninggalannya, maka hendaklah dilaksanakan wasiat itu daripada bahagian sepertiga tersebut. Sekiranya sepertiga itu tidak mencukupi untuk perbelanjaan haji fardhunya, maka diambil daripada keseluruhan harta peninggalannya.

Dalam keadaan pewasiat mewasiatkan kepada washi dengan sepertiga daripada harta peninggalannya untuk dikerjakan

haji fardhu bagi pihaknya, akan tetapi wasiat-wasiat lain juga ada untuk dilaksanakan dari sepertiga daripada harta peninggalannya itu, maka wasiat untuk mengerjakan haji itu tidak didahulukan ke atas wasiat-wasiat yang lainnya dalam bahagian sepertiga itu. Washi hendaklah membahagi-bahagikan sepertiga tersebut untuk haji dan wasiat-wasiat lain. Sekiranya peruntukan melaksanakan haji fardhu itu tidak mencukupi dari sepertiga yang dibahagi-bahagikan itu, maka dicukupkan jumlah untuk haji fardhunya daripada keseluruhan harta peninggalannya.

Wasiat Haji Sunat

Apabila seseorang yang pernah melakukan haji fardhu berwasiat kepada washi untuk melaksanakan haji sunat bagi dirinya, maka menurut pendapat al-azhhar dalam mazhab Syafi'i, sah wasiatnya itu kerana ibadah haji itu boleh diwakilkan kepada orang lain untuk melaksanakannya. Perkara ini disebut oleh as-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini Rahimahullah dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj :

Ertinya : Dan sah wasiat (melaksanakan) haji dan umrah sunat menurut pendapat al-azhhar berdasarkan pendapat al-azhhar yang mengharuskan perwakilan dalam pelaksanaan (haji) kerana ia (haji dan umrah) adalah ibadah yang boleh diwakilkan dalam (perlaksanaan) fardhunya, (maka) begitu juga (dalam perlaksanaan) sunatnya sebagaimana (perwakilan dalam) perlaksanaan zakat.


Keharusan ini hanya dengan menggunakan sepertiga daripada harta peninggalan si pewasiat setelah ditunaikan perbelanjaan pengurusan jenazah dan hutang-hutangnya. Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin menyatakan :

Ertinya : Maka (ibadah haji yang) sunat pula, sah berwasiat dengannya menurut pendapat al-azhhar berdasarkan sah perwakilan (dalam pelaksanaan) daripada ibadah (haji) tersebut. Kemudian ia (perbelanjaan wasiat haji itu) daripada sepertiga (peruntukan wasiat).

Sekiranya jumlah sepertiga daripada harta peninggalannya tidak mencukupi untuk dikerjakan haji sunat bagi dirinya atau sebahagian dari sepertiga yang disediakan oleh pewasiat untuk haji sunat bagi dirinya tidak mencukupi, maka wasiat itu batal dan washi tidak perlu melaksanakannya. Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin berkata :

Ertinya : Dan sekiranya sepertiga (peruntukan wasiat) atau bahagian haji (dalam peruntukan wasiat) daripadanya (sepertiga) tidak mencukupi untuk (melaksanakan) haji (sunat), maka wasiat itu batal.

Sekiranya sepertiga itu pula mencukupi untuk beberapa kali haji sunat, maka washi boleh melaksanakan lebih dari sekali haji sunat bagi diri pewasiat. Sekiranya



IRSYAD HUKUM

جِئَاتُ فِي كُلِّ حَالٍ
حَالُكَ فِي كُلِّ حَالٍ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

sepertiga itu tidak mencukupi untuk melaksanakan haji sunat seterusnya, maka lebih dari bahagian itu dikembalikan kepada ahli waris. Mengenai perkara ini, Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam Raudhah ath-Thalibin ada menjelaskan :

Ertinya : Sekiranya pewasiat berkata : "Laksanakanlah haji (sunat) untukku dengan sepertiga (harta)ku", maka (harus) sepertiga (hartanya) digunakan (untuk pelaksanaan haji sunatnya) sebanyak yang boleh sama ada dua kali haji, tiga atau lebih. Sekiranya ada berbaki (harta sepertiga tersebut) dan tidak mencukupi untuk melaksanakan ibadah haji sunat yang seterusnya, maka (baki tersebut adalah) untuk ahli waris.

Berdasarkan penjelasan di atas, sekiranya seseorang berwasiat untuk dilaksanakan haji bagi dirinya, maka perbelanjaan untuk haji tersebut adalah terpulang pada jenis haji yang diwasiatkannya. Sekiranya haji tersebut merupakan haji fardhu dan pewasiat menyebut perbelanjaan bagi melaksanakannya diambil dari harta miliknya atau dia langsung tidak menyebut mengenai perbelanjaan perlaksanaannya, maka perbelanjaan untuk melaksanakan haji fardhunya itu diambil daripada keseluruhan harta peninggalannya. Sekiranya pewasiat menyebut perbelanjaan haji fardhu itu diambil dari sepertiga daripada harta peninggalannya, maka perbelanjaan untuk melaksanakan haji itu diambil daripada bahagian sepertiga yang merupakan peruntukan wasiatnya. Sekiranya sepertiga itu tidak mencukupi atau tidak mencukupi kerana berbahagi dengan wasiat-wasiatnya yang lain, maka diambil daripada keseluruhan harta peninggalannya untuk mencukupkan perbelanjaan haji fardhunya itu. Sekiranya haji tersebut merupakan haji sunat, maka perbelanjaan bagi melaksanakan haji sunat itu hanya diambil dari sepertiga yang merupakan peruntukan wasiatnya. Sekiranya ia tidak mencukupi, maka wasiat itu batal dan washi tidak perlu melaksanakannya.

منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAAAN ALLAH كلولان قوسه دعوه اسلاميه

BULAN Syawal merupakan bulan yang sinonim dengan amalan mengeratkan ukhuwah, berkasih sayang dan ziarah-menziarahi dalam kalangan sanak saudara mahupun rakan taulan. Ia merupakan satu amalan yang dituntut Islam dalam memenuhi hak-hak sesama manusia sama ada bagi merapatkan hubungan persaudaraan atau sebagai tanda mengambil berat terhadap keadaan insan lain.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujuraat ayat 10, mafhumnya :

"Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".

Bahkan, Islam adalah agama yang menuntut kedamaian dan kemuliaan

Ziarah perkukuh ukhuwah

dalam kalangan manusia. Dilarang mengeji, menghina dan merendahkan sesama manusia walau apa bangsa dan agama sekalipun. Malah menjadi kewajipan kita sebagai umat Islam menunjukkan akhlak dan keperibadian mulia kepada masyarakat bukan Islam. Islam menjelaskan bahawa manusia adalah makhluk yang dimuliakan dan diberi kelebihan berbanding pelbagai ciptaan lain, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 70, mafhumnya :

"Dan demi sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam (manusia) dan Kami telah mengangkat mereka (di dalam pelbagai kenderaan) di darat dan di laut dan Kami telah mengurniakan mereka rezeki yang baik serta Kami telah melebihkan mereka atas kebanyakan makhluk Kami telah ciptakan dengan kelebihan yang sempurna".

Justeru itu, kunjungan dan ziarah-menziarahi di bulan Syawal adalah masa yang paling sesuai untuk kita

menghubungkan kembali silaturahim yang sebelum ini terlerai disebabkan berlakunya ketegangan, salah faham atau perselisihan yang membawa kepada bermasam muka dan tidak bertegur sapa. Seseorang itu tidak dikira sempurna imannya sekiranya ia tidak menghubungkan silaturahim sesama mereka.

Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang harus kita hindari ketika ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi. Sebahagian daripada kita ada yang leka menggunakan telefon dan media sosial secara berlebihan seperti bermain game telefon dan mengemas kini status akaun mereka. Sedarlah, tindakan ini sedikit sebanyak mengganggu komunikasi di antara tuan rumah dan tetamu. Jika perkara ini diambil mudah, tidak mustahil suatu hari nanti, semangat ukhuwah dalam masyarakat Islam akan luntur dan boleh terjejas.

Selain itu, dalam kesibukan kita kunjung-mengunjungi dan melayan tetamu,

kita diingatkan agar tidak melupakan tanggungjawab utama iaitu menunaikan ibadah sembahyang. Amat merugikan sekiranya kita melengah-lengahkannya sehingga mengerjakannya di akhir waktu, dan paling malang lagi seandainya sembahyang ketika waktu telah luput.

Pastikan juga seluruh ahli keluarga mengambil berat tentang pelaksanaan ibadah sembahyang dengan singgah ke masjid atau surau berdekatan semasa dalam perjalanan bagi memastikan amalan mulia ziarah-menziarahi ini diredai dan diberkati, selain menyuburkan rasa cinta mengunjungi rumah-rumah Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita mengambil kesempatan pada bulan Syawal yang mulia ini untuk saling ziarah-menziarahi bagi mengukuhkan ukhuwah sesama kita. Hubungan yang terjalin ini membolehkan kita berkongsi ilmu serta kebaikan, membina dan seterusnya memperkukuhkan ukhuwah sesama kita.

MEMPERKUKUH KEFAHAMAN, PENGHAYATAN PELAJAR TERHADAP MIB

Siaran Akhbar dan Foto :
Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB) mengadakan Majlis Sambutan Hari Melayu Islam Beraja (MIB) 2026, bertempat di Auditorium maktab pada hari ini. Majlis berkenaan bertujuan untuk memperkukuh kefahaman dan penghayatan para pelajar terhadap falsafah MIB sebagai teras Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Turut hadir, Pengetua MDPMAMB, Dayangku Hajah Nooramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad, para pensyarah serta pelajar maktab.

Majlis berkenaan juga diserikan dengan kehadiran pensyarah dan pelajar jemputan daripada beberapa buah pusat tingkatan



PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Melayu Islam Beraja (MIB) 2026 (atas dan kiri).

enam di seluruh negara.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan dan Lagu Rasmi maktab, diikuti dengan bacaan doa oleh Penolong Guru Kanan Co-Curricular Activities (CCA), Awang Haji Muhammad Shafiee bin Haji Japar. diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Dayang Norliham binti Haji Tuah.

Antara pengisian utama majlis

termasuk persembahan tarian tradisional Brunei serta Kuiz Persahabatan MIB yang melibatkan penyertaan pelajar Pra-U2 dari seluruh negara.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil dan hadiah kepada para pelajar cemerlang bagi Kategori Blok-blok MIB 2025, Kuiz Persahabatan MIB serta Projek Berkumpulan Pelajar Terbaik.

Penganjuran majlis berkenaan

mencerminkan komitmen berterusan pihak maktab dalam meningkatkan kesedaran terhadap identiti negara, memperkukuh nilai-nilai agama dan budaya, serta memupuk semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan pelajar.

Selain itu, ia turut bertujuan melahirkan pelajar yang holistik, berakhlak mulia, berwawasan dan menghargai warisan bangsa dan negara.

Eratkan silaturahim dalam kalangan warga emas



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM) pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Perpindahan Lambak Kanan, Jalan 77, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd Abdoh bin Haji Awang Damit.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa yang disampaikan oleh mantan Imam, Awang Haji Ghafar bin Haji Menudin diikuti dengan ucapan Pengurus PKWE BM, Awang Haji Mohd Yussof bin Mohd Salleh antara lain menjelaskan bahawa Hari Raya Aidilfitri disambut sebagai kemenangan bagi mereka yang mengerjakan ibadat puasa Ramadan dengan sempurna.

Menurutnya, kemenangan ini bukan sahaja kerana berjaya mengawal nafsu makan dan minum selama sebulan pada bulan Ramadan akan tetapi juga kemenangan dalam menghalang diri daripada melakukan apa juga perkara yang dilarang.

Beliau seterusnya berharap agar sambutan ini akan terus memekarkan semangat kerja berpasukan PKWE di mana kerja berpasukan mempunyai banyak kelebihan kerana ia saling bergantung dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan serta komitmen terhadap prestasi berpasukan dan bersedia melaksanakan tugas secara bersama.

"Nilai kerja ini seharusnya kita kekalkan bagi memberi manfaat kepada ahli-ahli warga emas serta menjadi budaya kerja kita," ujarnya.

Sambutan turut diisi dengan

pelbagai persembahan termasuk persembahan nyanyian daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Kebudayaan dan Kesenian, pertandingan persembahan berkumpulan di samping persembahan drama pendek bertemakan era 60-an.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan, diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat sebagai tanda penghargaan.

Adapun tujuan utama sambutan diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga emas di samping memupuk semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan PKWE.

SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.



PENGARAH Bahagian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas) manakala gambar kiri, antara yang membuat persembahan pada majlis berkenaan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad



دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمْ يَمُوتْ فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرَجُ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقْضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari akan nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مبابوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قشعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ (3)
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

**Jabatan Pertubuhan –
Pertubuhan Antarabangsa
Kementerian
Hal Ehwal Luar Negeri**

**Jawatan Kosong Di
Sekretariat Komanwel,
London,
United Kingdom**

Jawatan Kosong:
Investments Facilitation Officer
Economic Development,
Trade and Investment
Directorate

Kekosongan:
1

Tarikh Tutup:
10 April 2026

Untuk makluman,
maklumat lanjut
mengenai jawatan tersebut,
termasuk permohonan
bolehlah didapati di lawatan
sesawang berikut:
<http://thecommonwealth.org/jobs>

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
04 / APR2026 / KKBS / PJK /
16.138

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal (24 Bulan) Bagi
Kerja-Kerja Pembersihan
Block B18
Flat Kerajaan Anggerek Desa,
Simpang 32-15,
Jalan Anggerek Desa,
Negara Brunei Darussalam

JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.01 /
ADM
Membekalkan Pelbagai
Alat Tulis Dan Alat Perkakas
Pejabat Bagi
Jabatan Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Dan
Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam:
Sabtu, 18 April 2026
Jam 9.00 Pagi

**Makluman Pemberitahuan
Sebut Harga**

Sebut Harga dibukakan kepada
Syarikat-Syarikat dan
Pemborong-Pemborong yang
berdaftar dengan agensi-agensi
kerajaan dalam bidang berkaitan
untuk menyertai sebut harga
seperti keterangan berikut:

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
03 / MFA-ICC-Q / 2026-27
Supply And Installation Of PVC
Canvas For Slope Protection (Soil
Erosion Control) At International
Convention Centre (ICC),
Ministry Of Foreign Affairs,
Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
04 / MFA-ICC-Q / 2026-27
Landscape Maintenance
Services For International
Convention Centre, Berakas,
Ministry Of Foreign Affairs For A
Period Of Three (3) Months.

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00 setiap dokumen
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 15 April 2026
Jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup:
Khamis, 23 April 2026



Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga, Jabatan
Perbendaharaan
Tingkat 2,
Tower Block
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MFA / PENT / 02 / 2026
Membekal Dan Menghantar
(1) Satu Unit Kenderaan Baharu
SUV With Two-Wheel Drive (2WD)
Untuk Kementerian Hal Ehwal
Luar Negeri

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 April 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V (IV & V)

Kategori :
[KA01 Sahaja]
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
28 April 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026,
Tidak Lewat Jam
12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 005 / 2026
(SEW).T.V

Nama Projek:
Mengganti Rangkaian Paip
Tekanan Pembetulan Bagi
Daerah Brunei Muara, Tutong
Dan Temburong

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**
(17) JBS / ADM / QC / 2026
Air-Conditioning System Term
Contract Maintenance of a Period
of Twenty-Four (24) Months at
Jerudong Sports Complex

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**
(18) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a period of
Thirty-Six (36) Months for:
1. Anggerek Desa Swimming
Pool
2. Unit Kenderaan,
Jabatan Belia dan Sukan

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**
(19) JBS / ADM / QC / 2026
Adhoc Work for Air-Conditioning
System Term Contract
Maintenance for Period of Twelve
(12) Months for All Sports
Complex Building
(Brunei Muara District)

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**
(20) JBS / ADM / QC / 2026
General Building Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for Indoor
Stadium, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**
(21) JBS / ADM / QC / 2026
To Propose, Supply, Delivery,
Installation, Configuration, Testing,
Maintenance and Warranty of
Close Circuit Television (CCTV)
System at Temburong Sports
Complex

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**
(22) JBS / ADM / QC / 2026
General Building Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for Tutong
Sports Complex, Youth Office and
Youth Centre Building at
Tutong District

Yuran Tawaran:
BN5.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
23 April 2026

KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

**Dibukakan Kepada
Pemborong - Pemborong Yang
Berdaftar Dalam**

Kelas:
Terbuka

Kategori:
Terbuka

Tarikh Buka Tawaran:
Sabtu,
4 April 2026

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Isnin,
20 April 2026

**Tarikh dan Jam Tutup
Tawaran:**
Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran dan Tajuk
Projek:**
KHEDN / LTK / 2026-04
Kerja Menaiktaraf Royal Dais
Bagi Daerah Belait

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 2106 / 13

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JBT / S / 01 / 2026-2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Pembaikan Pondok Salaian Di
Kompleks Pasarneka Dan Tamu
Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
29 April 2026
Jam 2.00 Petang





UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0079 / 2025 / 2026

To Supply, Delivery And Support Of IT Equipment For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Research Project Titled "Special Publication Of The Ten Qiraat Mushaf"

UNISSA / SB0080 / 2025 / 2026

Mencetak Dan Menghantar Sijil-Sijil Dan Folder-Folder Bagi Keperluan Acara-Acara Di Sepanjang Hafl Al-Takharruj Ke-16 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Tahun 2026

UNISSA / SB0081 / 2025 / 2026

Supply And Install Closed-Circuit Television (CCTV) Surveillance System At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sinaut Tutong Campus

UNISSA / SB0082 / 2025 / 2026

Mencetak Dan Membekal Sembilan (9) Buah Jurnal-Jurnal Terbitan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Press Mac 2026

UNISSA / SB0083 / 2025 / 2026

Supply And Delivery Agriculture Fertilizer For Second Planting Season For Creates Research Project Titled "Improving Soil Quality, Paddy Yield And Paddy Farmers' Profit Using Organic Conditioners From Chicken Dung (UNISSAPADDY-19)"

UNISSA / SB0084 / 2025 / 2026

To Supply, Delivery And Support Double-Beam UV-VIS Spectrophometer For Creates Research Project Titled "Cosmo-Rs Predicted Natural Deep Eutectic Solvents (NADES) Nanoemulsions And Its Biological Evaluation"

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
22 April 2026
Jam 2.00 Petang

UNISSA / SB0076 / 2025 / 2026

Repair Works At Hostel Buildings For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus [MOD Class: I & II Only] & [Category: KA01 & B01]

UNISSA / SB0078 / 2025 / 2026

To Construct New RC Drain And Maintenance Works At Surau Al Syafii Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus [MOD Class: I & II Only] & [Category: KA01 & B01]

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
22 April 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Keterangan Tawaran

Kontrak Bermusim Bagi Kerja-Kerja Pembersihan Bangunan (Cleaning Service) Bangunan Balai Bomba Jabatan Penerbangan Awam Bagi Tempoh 2 Tahun (24 Bulan)
AME / 2025-2026 / SH-70 / R (Kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Keterangan Tawaran

Term Contract For Two (2) Year Sewer Works Maintenance At Department of Civil Aviation
AME / 2026-2027 / SH-06 (Kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Keterangan Tawaran

Perkhidmatan / Pembekal Kontrak Bermusim bagi Kerja-Kerja Pembersihan Bangunan (Cleaning Service) Bangunan- Bangunan

UNISSA / SB0073 / 2025 / 2026

To Modify, Replace, Fabricate, Supply And Install The Signages For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus [MOD Class: I & II Only]

UNISSA / SB0074 / 2025 / 2026

Membekal Perkhidmatan Pemeliharaan Memotong Rumput Bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kampus Sinaut Tutong Selama Tujuh (7) Bulan [MOD Class: I & II Only]

UNISSA / SB0075 / 2025 / 2026

Membekal Perkhidmatan Pemeliharaan Memotong Rumput Bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kampus Gadong Selama Sembilan (9) Bulan [MOD Class: I & II Only]

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
22 April 2026
Jam 2.00 Petang



di Bawah Kawalan Jabatan Penerbangan Awam bagi tempoh 2 tahun (24 bulan)
AME / 2026-2029 / SH-07 (Kelas II atau ke atas)

Tarikh iklan / mengambil

dokumen Sebut Harga:

Rabu,
8 April 2026

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:

Selasa,
21 April 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Rabu,
22 April 2026



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / MAB / TA / 001

To Supply, Delivery Iridium Satellite Phone, New Sim Card And Prepaid Voucher

Yuran Tawaran

BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 5 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



T / 001 / RBPf-HQ / 2026-S [024 / LOG / 2025 S]

To Supply And Delivery Of One (1) Unit Of Tractor For Launching / Retrieving Boat At Slipway And To Apply Anti-Corrosive Coating On All Metal Surfaces Of The Tractor, Police Marine Headquarters, Royal Brunei Police Force

Yuran Tawaran:

BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran

Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / NV / TA / 001

To Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing And Commissioning Of AV & PA System

Yuran Tawaran:

BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 28 April 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

MTIC_SH01-2026 / 2027 Quotation For 'Website Migration & Redesign For Ministry Of Transport And Infocommunications (MTIC)'

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Rabu,
22 April 2026
Jam 2.00 Petang



MEMUPUK KEUSAHAWANAN, KEMAHIRAN PRAKTIKAL PERNIAGAAN PELAJAR

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - School of Business and Economics Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE) telah menganjurkan Minggu Keusahawanan 2026 : 'Berakam di Kampung, Berkembang Bersama' bermula 6 hingga 9 April 2026, bertempat di Bangunan SBE dan Dewan Kuliah, UBD, di sini.

Acara berkenaan dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor Penglibatan Industri dan Pembangunan Keusahawanan (IEED), Dr. Haji

Masairol bin Haji Masri selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, Dekan dan Timbalan Dekan UBDSBE, ketua program, pensyarah, wakil rakan industri seperti Mekan Ceria, ZUS Coffee dan Hibiscus EP (Brunei) B.V. serta pemimpin pelajar dan wakil badan pelajar UBD.

Minggu Keusahawanan berkenaan menampilkan pelbagai aktiviti, termasuk reruai vendor yang mempamerkan kira-kira 18 usahawan pelajar dan tempatan, bengkel

pembangunan perusahaan yang dikendalikan oleh akademik, pondok permainan interaktif, kejohanan e-sukan, serta inisiatif penglibatan seperti Clue Chase dan Kindness Booth.

Aktiviti-aktiviti berkenaan bertujuan untuk memupuk kreativiti, inovasi dan kerjasama dalam ekosistem universiti. Inisiatif selama empat hari berkenaan berfungsi sebagai platform dinamik untuk memupuk kesedaran keusahawanan dan kemahiran praktikal perniagaan dalam kalangan pelajar, di samping mengukuhkan kerjasama dengan rakan industri.

Direka sebagai sambungan pembelajaran keusahawanan melalui pengalaman, acara berkenaan memberikan pendedahan langsung kepada pelajar terhadap amalan perniagaan dunia sebenar, termasuk pengurusan vendor, penglibatan pihak berkepentingan, rundingan penajaan dan operasi acara.

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 8 dan 9, inisiatif berkenaan mengukuhkan lagi komitmen UBDSBE dalam melahirkan graduan masa hadapan yang dilengkapi dengan minda keusahawanan, kecekapan digital, dan kemahiran yang relevan dengan industri.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang www.sbe.ubd.edu.bn.



ACARA berkenaan dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor Penglibatan Industri dan Pembangunan Keusahawanan (IEED), Dr. Haji Masairol bin Haji Masri selaku tetamu kehormat (atas dan kiri).

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



Lawatan tinjau sistem operasi pencerapan, pemantauan cuaca



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Isnin, 6 April. - Seramai 85 orang delegasi ASEAN petang tadi mengadakan lawatan ke Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian

Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), bertempat di Bangunan Radar Cuaca, Jalan Dewan Majlis, Berakas, di sini.

Sepanjang lawatan, rombongan

delegasi berpeluang menyaksikan pameran dan meninjau dengan lebih dekat proses, kemudahan dan sistem operasi yang digunakan dalam pencerapan dan pemantauan cuaca, serta penyediaan dan penyampaian ramalan, nasihat dan amaran cuaca kepada pelbagai pengguna.

Perkongsian turut mengetengahkan peranan BDMD dalam menyokong secara langsung Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC).

Rombongan juga berpeluang melihat secara lebih dekat Sistem Pemantauan Radar Cuaca Doppler yang digunakan oleh BDMD dalam memantau kejadian, pergerakan dan evolusi sistem cuaca setempat.

Lawatan tersebut merupakan salah satu agenda di bawah pengajaran The ASEAN Cross-Sectoral Workshop on Enhancing Weather and Climate



SERAMAI 85 orang delegasi ASEAN mengadakan lawatan ke Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi di Bangunan Radar Cuaca, Jalan Dewan Majlis, Berakas (atas, kiri, bawah kiri dan bawah kanan).

Information for Disaster Management and 6th AIM-NET Meeting and Workshop yang berlangsung dari 6 hingga 9 April 2026, yang mana Negara Brunei Darussalam adalah selaku tuan rumah bagi bengkel dan mesyuarat berkenaan.

Tujuan lawatan berkenaan

adalah untuk memberikan pendedahan mengenai fungsi dan peranan BDMD dalam menyediakan perkhidmatan serta maklumat cuaca dan iklim, termasuk proses penghasilan dan penyampaian maklumat tersebut dalam menyokong kesiapsiagaan dan pengurusan risiko bencana.



RAIKAN AIDILFITRI BERSAMA GOLONGAN BERKEPERLUAN KHAS



KELAB Lions Bandar Seri Begawan (Lions Club BSB) dengan kerjasama Maya Silk Emporium dan Sunil's Emporium menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahunan bersama Pusat Bahagia Tutong (atas dan kanan).



TUTONG, Selasa, 7 April. - Dalam sama-sama berkongsi kegembiraan dalam meraikan Hari Raya Aidilfitri, Kelab Lions Bandar Seri Begawan (Lions Club BSB) dengan kerjasama Maya Silk Emporium dan Sunil's Emporium menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahunan bersama Pusat Bahagia Tutong, satu inisiatif berterusan yang menekankan nilai inklusiviti, kasih sayang dan penglibatan komuniti yang bermakna.

Bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, majlis ini menghimpunkan para pelatih Pusat Bahagia Tutong, bersama pelajar, pegawai, guru, jurulatih dan kakitangan, serta wakil daripada Lions Club BSB dan rakan kerjasama mereka.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Pemangku Ketua Bahagian Orang Kelainan Upaya, Dayang Nurul Nazurah binti Jaya bersama Presiden Lions Club BSB, Rasel Miah; Naib Presiden Pertama, Aysha Siddika Dola; Setiausaha, Sunil Ramchandani; Presiden (IPP) Maya Ramchandani; Bendahari, Susheel Kaur Chopra; serta Lynda Sidhu.

Penglibatan tahunan ini terus menjadi platform bermakna untuk meraikan semangat Hari Raya sambil mengeratkan hubungan bersama kanak-kanak dan orang dewasa berkeperluan khas.

Program ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik termasuk persembahan muzik dan tarian yang meriah oleh para pelatih dan

kakitangan Pusat Bahagia Tutong, penyampaian sumbangan Hari Raya (Sampul Raya), sesi cabutan bertuah dan buah tangan (*doorgift*).

Para tetamu juga dijamu dengan hidangan istimewa Hari Raya, mewujudkan suasana penuh kemesraan, kegembiraan dan kebersamaan.

Inisiatif ini diterajui oleh Maya Ramchandani dari Sunil's Emporium dan Sunil Ramchandani dari Maya Silk Emporium, dengan kerjasama Lions Club Bandar Seri Begawan.

Kepimpinan mereka mencerminkan komitmen bersama dalam memperkasa komuniti berkeperluan khas melalui usaha berterusan dan penglibatan yang

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

bermakna.

Lebih daripada sekadar sambutan, majlis ini menjadi peringatan penting tentang tanggungjawab bersama untuk membina masyarakat yang lebih inklusif dan penuh empati.

Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta memupuk pemahaman yang lebih mendalam terhadap individu berkeperluan khas agar mereka dihargai, dihormati dan diterima sebagai sebahagian penting dalam masyarakat.

Pusat Bahagia Tutong terus memainkan peranan penting dalam memperkasa individu dengan

pelbagai kebolehan melalui penyediaan peluang untuk perkembangan diri, pembangunan kemahiran dan integrasi sosial.

Inisiatif seperti ini bukan sahaja membawa kegembiraan kepada para peserta, malah menyerlahkan keupayaan, ketabahan dan sumbangan mereka kepada masyarakat.

Dengan berkongsi detik-detik bermakna ini bersama masyarakat umum, Lions Club BSB dan rakan kerjasamanya berharap dapat meningkatkan kesedaran serta menggalakkan tindakan kolektif ke arah masa depan yang lebih inklusif.

MINDA PEMBACA

Peranan individu dalam mengurangkan pemanasan global

PEMANASAN global merupakan salah satu isu alam sekitar yang semakin membimbangkan di seluruh dunia. Fenomena ini berlaku akibat peningkatan suhu bumi yang berpunca daripada pencemaran udara dan aktiviti manusia yang tidak terkawal. Oleh itu, setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk membantu mengurangkan masalah ini.

Salah satu langkah yang boleh dilakukan ialah mengurangkan penggunaan plastik. Plastik yang dibuang sewenang-wenangnya akan

mencemarkan alam sekitar dan mengambil masa yang lama untuk terurai. Oleh itu, masyarakat digalakkan menggunakan beg guna semula semasa membeli-belah.

Selain itu, penjimatan tenaga elektrik juga dapat membantu mengurangkan pemanasan global. Contohnya, kita perlu mematikan lampu dan peralatan elektrik apabila tidak digunakan. Tindakan ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga sekali gus mengurangkan pembebasan gas karbon dioksida yang menjadi punca utama

pemanasan global.

Menanam pokok juga merupakan salah satu usaha yang berkesan. Pokok berfungsi menyerap karbon dioksida dan menghasilkan oksigen yang sangat penting kepada kehidupan manusia. Oleh itu, aktiviti penanaman pokok perlu digalakkan dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, penggunaan pengangkutan awam seperti bas dan kereta api dapat mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya. Hal ini dapat mengurangkan pencemaran udara yang menyumbang kepada

peningkatan suhu bumi.

Kesimpulannya, usaha mengurangkan pemanasan global bukan hanya tanggungjawab kerajaan tetapi juga tanggungjawab setiap individu. Jika semua pihak berganding bahu, kita dapat memelihara alam sekitar demi kesejahteraan generasi akan datang.

Nama : Mohammad Abd Rasyiid bin Haji Abd Karim
No. K/P : 00-322XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Cabaran Belia Dalam Mendapatkan Pekerjaan Berkualiti'. Tarikh Tutup : 8 April 2026
- 2.'Ketagihan Telefon Pintar Dalam Kalangan Remaja'. Tarikh Tutup : 15 April 2026
- 3.'Kesedaran Autisme Dalam Masyarakat Moden'. Tarikh Tutup : 22 April 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

- 3.Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KENANG JASA, PENGORBANAN IBU BAPA



AMALAN menghormati dan menjaga ibu bapa yang sudah lanjut usia bukan sahaja mencerminkan nilai murni dalam masyarakat, malah turut mengeratkan hubungan kekeluargaan serta menjadi contoh baik kepada generasi muda.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Sikap mengenang jasa ibu bapa perlu terus dipupuk dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda, sebagai tanda penghargaan terhadap segala pengorbanan mereka membesarkan anak-anak sejak kecil.

Ibu bapa merupakan insan yang banyak berkorban dari segi masa, tenaga dan wang demi memastikan anak-anak mendapat kehidupan yang selesa, pendidikan yang sempurna serta kasih sayang yang mencukupi.

Pengorbanan mereka bukan sahaja dalam memenuhi keperluan harian, malah turut memberi bimbingan dan tunjuk ajar agar anak-anak menjadi insan berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Dalam pendekatan Pelita Brunei mengenai perkara itu, Dayangku Mas Siti Rasifah Adyani binti Pengiran Haji Sabtu dari Kampung Lambak 'A' ketika ditemui berkata, mengenang jasa ibu bapa, merupakan satu tanggungjawab moral yang penting kerana ia melahirkan rasa syukur dan hormat terhadap mereka yang telah banyak berjasa.

Selain itu, tambahnya, amalan ini juga mampu memupuk nilai-nilai murni seperti kasih sayang, bertanggungjawab dan sikap menghormati orang tua.

Bellau turut menyarankan agar masyarakat sentiasa meluangkan masa bersama ibu bapa, terutamanya mereka yang telah lanjut usia, agar

hubungan kekeluargaan terus erat dan harmoni.

Perhatian serta layanan yang baik jelasnya lagi, dilihat mampu menggembirakan hati mereka dan menjadi salah satu cara membalas jasa yang telah dicurahkan.

"Tanpa pengorbanan mereka, kami tidak mungkin berada di tahap sekarang. Apabila mereka sudah tua, menjadi tanggungjawab kami pula untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan mereka," katanya.

Amalan menghormati dan menjaga ibu bapa yang sudah lanjut usia bukan sahaja mencerminkan nilai murni dalam masyarakat, malah turut mengeratkan hubungan kekeluargaan serta menjadi contoh baik kepada generasi muda.

Produk makanan diragui status kehalalannya

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) memaklumkan bahawa Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMHH) telah menerima satu aduan berhubung penjualan produk makanan Natural Chicken Stock Concentrate keluaran The Natural Stock Co. Australia di salah sebuah pasar raya di negara ini yang diragui status kehalalannya.

Susulan aduan berkenaan, pemeriksaan telah dijalankan oleh JHES. Hasil pemeriksaan mendapati bahawa produk makanan Natural Chicken Stock Concentrate keluaran The Natural Stock Co. Australia berkenaan mengandungi bahan yang bersumberkan daging ayam yang tidak dapat dipastikan sumber dan status kehalalannya memandangkan produk berkenaan tidak ada pengiktirafan halal daripada mana-mana badan pensijilan halal yang diiktiraf.

Oleh yang demikian, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD), JHES ingin menegaskan kepada pemilik mana-mana pasar raya, kedai runcit dan lain-lain premis perniagaan di NBD yang menjual produk makanan Natural Chicken Stock Concentrate keluaran The Natural Stock Co. Australia berkenaan supaya segera mengasingkan produk tersebut dan menempatkannya di ruangan yang tidak terdedah kepada orang awam khususnya masyarakat Islam.

KHEU juga ingin mengingatkan kepada pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pengimport, pembekal dan pengedar supaya sentiasa berwaspada serta lebih peka dalam pengurusan produk dan barangan tidak halal di semua peringkat pengendalian termasuk semasa pengimportan, penyimpanan di gudang atau tempat simpanan, pengangkutan, pengendalian dalaman serta penjualan di premis-premis perniagaan.

Langkah-langkah berkenaan adalah penting bagi memastikan produk tidak halal diasingkan sepenuhnya daripada produk halal, sekali gus mengelakkan berlakunya pencemaran silang (*cross contamination*) serta kekeliruan dalam kalangan orang ramai, khususnya masyarakat Islam daripada terjebak mengambil dan menggunakan produk dan barangan gunaan yang tidak halal.

Di kesempatan ini, KHEU mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada orang ramai atas maklumat berhubung perkara berkenaan. Bagi orang ramai yang ingin menyalurkan aduan atau perkongsian maklumat mengenai penjualan produk-produk tidak halal secara terbuka di premis-premis perniagaan, bolehlah dibuat terus kepada JHES melalui BKMHH dengan menghubungi Talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat BKMHH di setiap daerah.



NATURAL Chicken Stock Concentrate keluaran The Natural Stock Co. Australia di salah sebuah pasar raya di negara ini yang diragui status kehalalannya.



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Buah Sukun Kukus Bersantan Kampung Gadong Baru, Temburong

BAHAN-BAHANNYA :

2 biji buah sukun
8 paket santan
700gm gula merah
7 helai daun pandan
Garam

CARA-CARA MEMASAK

Buah sukun dikupas dan dicuci setelah itu buah sukun tersebut dikukus sehingga masak. Campurkan santan, gula merah, garam dan daun pandan dan masak

sehingga pekat. Masukkan sukun yang dikukus ke dalam campuran santan dan digaul rata. Kemudian pindahkan ke dalam mangkuk. Untuk lebih sedap masukkan ke dalam peti sejuk sebelum dihidangkan.

PELITA BRUNEI Hari Rabu 6 April. 1966

Muka 7.

Pertandingan Bola Sepak Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M.

Johan - Pasokan 51 Brigade (BOR)

* Naib Johan - Brunei Sports Club

BANDAR BRUNEI. — Pasokan 51 Brigade (British Other Ranks) telah memenangi Perisai Sir Omar Ali Saifuddin sa-telah pasokan itu mengalahkan Pasokan Brunei Sports Club dengan 4 gol berbalas 3 dalam Pertandingan Akhir Bola Sepak Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 2 April, 1966.

Meskipun Pasokan Brunei Sports Club telah tidak berhasil menyandang gelaran Kejohanan dalam pertandingan bola sepak itu, akan tetapi pemain2 pasokan itu telah bermain dengan chergas pada sa-panjang masa hingga ka-sa'at penghabisan perlawanan itu.



Gol yang pertama dalam pertandingan itu di-dapati oleh Pasokan 51 Brigade, apabila sayap kanan-nya, Thomson menjaringkan satu gol sa-lepas mendapat hantaran bola daripada sa-orang pemain barisan hadapan-nya.

Delapan minit lagi, penyokong2 Pasokan Brunei Sports Club telah bersorak sa-telah Dollah berjaya menjaringkan satu gol.

Dengan itu, kedua2 pasokan telah beroleh seri, ia-itu 1 gol berbalas 1.

Penyokong2 Pasokan Brunei Sports Club telah sekali lagi bersorak kira2 20 minit lagi. Kali ini ia-lah kerana pasokan itu telah dapat memperolehi gol-nya yang kedua dalam pertandingan itu, ia-itu menerusi Rahman Sanip.

Pada masa itu, Brunei Sports Club mendapat 2 gol dan Pasokan 51 Brigade mendapat 1 gol.

Lima minit sa-belum tamat pertandingan pertengahan yang pertama Pasokan 51 Brigade telah mendapat gol-nya yang kedua, apabila pemain barisan hadapan-nya Barclough menjaringkan satu gol.

Keputusan pada masa rehat ia-lah: Brunei Sports Club — 2 gol. 51 Brigade — 2 gol.

Sa-telah perlawanan di-sambungkan sa-mula, keadaan perlawanan itu telah lebeh hebat, kerana pemain2 kedua2 pasokan bermain dengan chergas lagi untuk menjaringkan gol bagi pasokan masing2.

memberikan kemenangan kepada pasokan tersebut. Gol itu di-jaringkan oleh Barclough.

Sungguh pun pemain2 Pasokan Brunei Sports Club men-chuba dengan bersungguh2-nya untuk menjaringkan gol-nya yang ke-empat akan tetapi pasokan itu telah tidak berhasil.

Pada masa Pengadil perlawanan itu meniup suling-nya bagi menandakan tamat perlawanan itu, Pasokan 51 Bri-

gade mendapat 4 gol, manakala Pasokan Brunei Sports Club mendapat 3 gol.

Maka dengan keputusan tersebut, Pasokan 51 Brigade menjadi Johan dalam perlawanan bola sepak itu dan Pasokan Brunei Sports Club memperolehi gelaran Naib Johan.

Penulong Menteri Pos dan Kebajikan, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Md. Limbang telah menyampaikan hadiah2 sa-telah tamat pertandingan bola sepak tersebut.

Awang R. G. Clark telah mengadakan perlawanan tersebut.

Pemain2 Pasokan 51 Brigade (B.O.R.): Tucker, Trevanno, Grant, Turrell, Banks, Ashworth, Thomson, Palmer, Barclough, Cairns dan Russel.

Pemain2 Pasokan Brunei Sports Club: Johnny Foo, Pengiran Johari, A. Ali, Rahman Sanip, Nordin, Johari Johan, Pengiran Mahari, Frankie Ho, Ak. Ismail, Dolah dan Tuah.

Perlawanan Bola Sepak Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan pasokan2 bola sepak tempatan dan juga dari pehak tentera. Gambar ini di-ambil pada masa diadakan perlawanan bola sepak tersebut di-antara Pasokan 51 Brigade (BOR) dengan Pasokan Kampong Sumbiling.

PAKAIAN PENGAKAP DI-DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Pengakap Daerah Brunei ada menyediakan 650 pasang pakaian2 pengakap, untuk di-jual kepada pengakap2 Daerah Brunei.

Sa-siapa yang ingin hendak membeli pakaian yang tersebut, boleh-lah mengurus kepada Aw. Shahbudin bin Saleh, Pesuruh Jaya Pengakap (Bahagian Sekolah2 Melayu) Daerah Brunei, atau kepada Pg. Tajuddin bin Pg. Ahmad.

Harga2-nya ia-lah: A. Berharga \$6.00 sa-pasang. B. Berharga \$5.70 sa-pasang. C. Berharga \$5.30 sa-pasang. D. Berharga 5.00 sa-pasang.

Chontoh2 pakaian pengakap ini telah pun ada di-antara-nya di-serahkan kepada Guru2 Besar pada tiap2 sekolah. Sekolah2 yang belum dapat lagi dan berkehendakan membeli, boleh-lah berjumpa kepada yang berkenaan.



Penjaga gol Brunei Sports Club, Johnny Foo kelihatan dalam gambar ini hendak menyelamatkan bola dalam Perlawanan Bola Sepak Sambutan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Peringkat Akhir di-antara Pasokan Brunei Sports Club dengan Pasokan 51 Brigade (BOR) di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 2 April, 1966.



Mempelajari bahasa isyarat membuka perspektif baharu

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Ihsan Hajah 'Aaliya Najibah binti Haji Muhammad Ali

DALAM usaha memperkasa perkhidmatan umrah dan haji yang lebih inklusif, kehadiran pengiring atau mutawif serta mutawifah yang mahir dalam bahasa isyarat kini semakin mendapat perhatian. Peranan ini bukan sahaja membantu melancarkan komunikasi, malah membuka peluang kepada golongan kurang pendengaran untuk menghayati ibadah dengan lebih sempurna dan bermakna. Kesedaran terhadap keperluan tersebut turut menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk mempelajari bahasa isyarat sebagai satu bentuk khidmat masyarakat dan medium dakwah yang mendekatkan individu kepada ajaran Islam tanpa halangan komunikasi.

Bagi Dayang Hajah 'Aaliya Najibah binti Haji Muhammad Ali, 19 tahun, yang bertugas sebagai Pentadbir Am Sambilan (Part-time General Admin) di Syarikat Al Qobul Travel & Tours, penglibatan beliau dalam bidang ini bermula daripada rasa ingin tahu yang mendalam sejak kecil terhadap kehidupan golongan kurang pendengaran. Beliau sering tertanya-tanya bagaimana mereka memahami dunia sekeliling, meluahkan emosi serta berkomunikasi dalam situasi harian yang lazimnya bergantung kepada bunyi dan suara.

Persoalan tersebut menjadi lebih signifikan apabila dikaitkan dengan aspek ibadah. Menurut beliau, setiap individu berhak memahami dan menghayati ajaran agama dengan jelas tanpa sebarang kekangan komunikasi. Kesedaran itu akhirnya mendorong beliau untuk mempelajari bahasa isyarat sebagai medium penghubung antara golongan

kurang pendengaran dengan kefahaman ibadah Islam.

Permulaan perjalanan mempelajari bahasa isyarat

Perjalanan mempelajari bahasa isyarat bermula pada September 2025 ketika beliau menunggu keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB). Pada tempoh tersebut, beliau bekerja secara sambilan di sebuah syarikat pelancongan umrah dan haji. Dorongan serta sokongan pihak pengurusan syarikat menjadi titik permulaan yang membuka peluang kepadanya untuk mendalami bidang komunikasi alternatif itu.

Menurut beliau, pengalaman awal mempelajari bahasa isyarat membuka perspektif baharu bahawa komunikasi tidak semestinya bergantung kepada pertuturan. Gerakan tangan, ekspresi wajah dan bahasa tubuh mampu menyampaikan makna yang sama mendalam dan berkesan.

Pembelajaran tersebut dilaksanakan di bawah bimbingan tenaga pengajar profesional yang diiktiraf di dalam dan luar negara, iaitu Dr. Dayang Hajah Norbayah binti Haji Shahminan di Perusahaan Jari-Jariku, sekali gus memberikan asas pembelajaran yang sistematik secara berperingkat dan menyeluruh.

Namun demikian, proses mempelajari bahasa isyarat bukanlah sesuatu yang mudah. Ia menuntut ketelitian dalam setiap gerakan, ketepatan ekspresi wajah serta kefahaman konteks komunikasi. Cabaran tersebut secara tidak langsung mendidik beliau tentang nilai kesabaran, empati dan tanggungjawab dalam menyampaikan

maklumat kepada individu lain.

Pengalaman itu turut mengukuhkan keyakinannya bahawa bahasa isyarat bukan sekadar kemahiran teknikal, malah merupakan satu bentuk komunikasi yang sarat dengan nilai kemanusiaan.

Keperluan pengiring mahir bahasa isyarat

Penyediaan pengiring atau mutawif serta mutawifah yang mahir dalam bahasa isyarat kini dilihat sebagai satu keperluan yang semakin penting. Golongan kurang pendengaran memerlukan pendekatan komunikasi yang berbeza, khususnya dalam memahami taklimat manasik, panduan ibadah serta arahan perjalanan yang kebanyakannya disampaikan secara lisan.

Kehadiran pengiring yang mampu berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat membolehkan maklumat disampaikan secara lebih tersusun, jelas dan berkesan. Keadaan ini membantu jemaah mengikuti setiap langkah ibadah dengan betul, di samping meningkatkan keyakinan mereka untuk melaksanakan ibadah secara berdikari tanpa terlalu bergantung kepada orang lain.

Ibadah lebih difahami, dihayati

Lebih daripada sekadar kemudahan komunikasi, usaha ini mencerminkan prinsip keadilan sosial dalam Islam yang menekankan kesaksamaan peluang kepada semua individu. Pada pandangan Dayang Hajah 'Aaliya Najibah, kehadiran pengiring mahir bahasa isyarat berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan jemaah dengan kefahaman ibadah secara menyeluruh.

Apabila komunikasi dapat difahami dengan jelas, penghayatan ibadah juga

menjadi lebih mendalam dan bermakna. Jemaah bukan sahaja mengetahui tatacara pelaksanaan ibadah, malah dapat merasai ketenangan rohani sepanjang perjalanan ibadah tersebut. Usaha ini secara tidak langsung membantu golongan kurang pendengaran melaksanakan ibadah dalam suasana yang lebih yakin dan selesa.

Harapan pada masa hadapan

Dayang Hajah 'Aaliya Najibah berharap agar lebih ramai individu tampil mempelajari bahasa isyarat bukan sekadar sebagai kemahiran sampingan, tetapi sebagai satu bentuk dakwah yang berteraskan kasih sayang, empati dan kefahaman sesama insan.

Menurut beliau, individu yang berminat disarankan untuk memulakan langkah dengan niat yang ikhlas. Bahasa isyarat memerlukan kesabaran dan kepekaan emosi kerana setiap gerakan membawa maksud yang tersendiri. Apabila dipelajari dengan tujuan untuk berkhidmat kepada masyarakat, kemahiran tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada orang lain, malah membentuk peribadi yang lebih prihatin dan berempati.

Kesimpulannya, penguasaan bahasa isyarat dalam kalangan pengiring jemaah merupakan satu langkah progresif ke arah memperkukuhkan konsep inklusiviti dalam masyarakat Islam. Usaha ini bukan sekadar memperbaiki komunikasi, malah menjadi manifestasi nilai ihsan dan tanggungjawab sosial dalam membantu sesama insan mendekati ibadah dengan penuh kefahaman. Inisiatif seperti ini wajar diperluaskan agar setiap individu, tanpa mengira kekurangan fizikal, dapat merasai pengalaman ibadah secara adil, selesa dan bermakna.



PROGRAM SUA MUKA BARIGAKAN ISU SEMASA



MENTIRI, Selasa, 7 April. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik, hari ini mengadakan Program Sua Muka bersama Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri bertempat di kediaman Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Mentiri.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman.

Manakala bagi pihak Kampung Kawasan 2 RPN Mentiri diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Mentiri, Haji Mohammad Nizam bin Haji Julaihi.

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Program Sua Muka adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan

hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung. Program juga diisikan dengan penyampaian maklumat kepada penduduk-penduduk kampung daripada Jabatan Tenaga mengenai 'Usaha Kerajaan dalam Memperkenalkan Renewable Energy / Tenaga Baharu (Solar System)' dan daripada Pusat Kebangsaan E-Kerajaan mengenai 'BruneiID'.

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan, yang antara lain berkaitan dengan prasarana, keselamatan dan kemudahan awam.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PEMANGKU Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka bersama Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri (atas kiri), manakala gambar atas dan bawah, antara yang hadir pada program berkenaan.



Suntik semangat patriotisme dalam diri penuntut



TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Dayang Nur Zahirah binti Haji Osman, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Jabatan Penerangan (kanan), manakala gambar kiri dan bawah kanan, antara pelajar yang hadir pada Program Taklimat Kenegaraan di Pusat Tingkatan Enam Tutong.



inisiatif dalam Dasar Belia Negara (DBN) dan Strategi 2020 hingga 2035.

Taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Dayang Nur Zahirah binti Haji Osman, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Jabatan Penerangan.

Kandungan taklimat antara lain menyentuh mengenai

peranan dan tanggungjawab keluarga dalam sama-sama rakyat kepada negara dan menyumbang untuk pemerintah, masyarakat serta kesejahteraan negara.



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

TUTONG, Selasa, 7 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Komunikasi Strategik mengendalikan Program Taklimat Kenegaraan di Pusat Tingkatan Enam (PTE) Tutong.

Taklimat yang diadakan di Lecture Theatre sekolah berkenaan dihadiri oleh 146 penuntut Tingkatan Enam

Bawah (Pra U1).

Turut hadir, Pemangku Pengetua PTE Tutong, Awang Haji Azrin bin Haji Bolhassan dan para tenaga pengajar.

Antara tujuan program berkenaan ialah untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat yang disampaikan.

Selain itu, ia juga dihasratkan bagi mendukung Matlamat Wawasan Brunei 2035 dan



REPUBLIK RAKYAT CHINA MEMPERBAHARUI AMARAN BIRU UNTUK HUJAN LEBAT, ANGIN KENCANG



BEIJING, 6 April. - Pusat Meteorologi Kebangsaan China memperbaharui amaran biru untuk hujan lebat dan amaran biru untuk angin kencang pada hari Isnin, meramalkan hujan lebat di selatan dan angin kencang di utara.

Hujan sederhana hingga lebat

PARA Pelancong semasa menaiki bot untuk bersiar-siar di tengah-tengah hujan di kawasan indah Bandar Jiaxing, wilayah Zhejiang, timur Republik Rakyat China.

dijangka berlaku di beberapa bahagian di selatan Sungai Yangtze dan bahagian lain di selatan Republik Rakyat China, dengan beberapa kawasan mengalami ribut hujan atau hujan sangat lebat.

Sementara itu, angin kencang akan melanda bahagian barat laut Republik Rakyat China, Wilayah Autonomi Mongolia Dalam, utara Republik Rakyat China dan timur laut Republik Rakyat China.

Bermula dari malam Selasa, kawasan yang dilanda hujan di selatan akan dijangka beralih ke utara.

Pakar meteorologi memberi amaran kepada orang ramai, terutamanya pelancong, untuk

sentiasa berjaga-jaga dan mengelakkan kawasan pergunungan, lembah sungai dan kawasan rendah di kawasan yang terjejas.

Pusat itu juga meramalkan salji ringan hingga sederhana atau hujan ais, dan ribut salji, untuk beberapa bahagian di timur laut Republik Rakyat China, wilayah Qinghai di barat laut Republik Rakyat China dan wilayah Autonomi Xizang di barat daya negara itu pada hari Isnin.

Republik Rakyat China mempunyai sistem amaran cuaca empat peringkat berkod warna, dengan warna merah mewakili amaran paling teruk, diikuti oleh oren, kuning dan biru. - ©XINHUA

Angkasawan Artemis 2 memasuki zon graviti bulan

CAPE CANAVERAL (FLORIDA), 6 April. - Empat angkasawan yang menyertai misi Artemis 2 telah memasuki zon graviti bulan, iaitu titik apabila tarikan graviti bulan ke atas kapal angkasa Orion menjadi lebih kuat berbanding tarikan graviti Bumi, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) memetik NASA pada Isnin.

Kru terbahagi terdiri daripada angkasawan Amerika Syarikat (AS) Victor Glover, Christina Koch dan Reid Wiseman, serta angkasawan Kanada Jeremy Hansen, yang kini menjadi manusia pertama dalam tempoh

lebih 50 tahun melakukan perjalanan ke bulan.

Misi itu merupakan penerbangan ke angkasa yang kedua bagi Glover, Koch dan Wiseman, manakala Hansen pula kali pertama.

Mereka berlepas pada petang Rabu dengan menaiki kapsul Orion yang dilancarkan oleh roket Space Launch System dari pusat pelancaran Cape Canaveral di Florida, AS. Kira-kira 24 jam kemudian, mereka meninggalkan orbit bumi menerusi manuver khas.

Artemis 2 dibina berasaskan

pengalaman misi Artemis 1 tanpa kru pada 2022, dengan laluan penerbangannya secara keseluruhan menyerupai bentuk angka lapan mengelilingi Bumi dan bulan.

Kru terbahagi kini dijadual mengelilingi bulan sebelum kembali ke bumi dan mendarat di laut pada Jumaat.

Dalam beberapa jam akan datang, kapal angkasa itu dijangka berada pada kedudukan paling hampir dengan bulan, iaitu kira-kira 7,500 kilometer melepasi bahagian jauh bulan.

Para angkasawan akan

berpeluang melihat Bumi dan bulan pada masa yang sama, selain menyaksikan gerhana matahari apabila matahari terlindung di sebalik bulan dari perspektif Orion.

Mereka juga berkemungkinan

mencatat perjalanan paling jauh dari Bumi yang pernah dicapai manusia.

Rekod semasa dipegang oleh kru misi Apollo 13 pada 1970, iaitu pada jarak kira-kira 400,171 kilometer. - ©BERNAMA

Republik Rakyat Bangladesh lancar kempen vaksinasi demam campak kecemasan di tengah peningkatan kematian

DHAKA, 6 April. - Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh melancarkan kempen vaksinasi kecemasan demam campak-rubela pada Ahad yang menyasarkan lebih 1.3 juta kanak-kanak di kawasan dengan kadar jangkitan tinggi ketika jumlah kematian akibat kes disyaki terus meningkat, lapor Xinhua.

Menteri Kesihatan dan Kebajikan Keluarga Republik Rakyat Bangladesh Sardar Md. Sakhawat Hossain merasmikan kempen itu di sebuah kompleks kesihatan berhampiran ibu negara

Dhaka pada pagi Ahad.

Menurut menteri itu, kempen berkenaan melibatkan kanak-kanak berumur antara enam bulan hingga lima tahun di 18 daerah di negara itu yang mencatatkan kadar jangkitan agak tinggi.

Beliau turut mengumumkan bahawa kempen vaksinasi demam campak-rubela di seluruh negara akan bermula pada 3 Mei ini, meliputi semua daerah lain di seluruh Republik Rakyat Bangladesh.

Hossain berkata kempen kecemasan itu dilancarkan atas

syor pakar bagi membendung penularan penyakit dengan segera serta melindungi kanak-kanak yang berisiko.

Langkah itu dibuat di tengah-tengah lonjakan kes demam campak dan kematian berkaitan penyakit berkenaan sejak kebelakangan ini. Menurut Direktorat Am Perkhidmatan Kesihatan (DGHS), empat lagi kematian akibat kes disyaki demam campak direkodkan dalam tempoh 24 jam hingga pukul 8 pagi Sabtu, menjadikan jumlah keseluruhan kematian meningkat kepada 98 kes. - ©BERNAMA

Pencetus parut penyakit Crohn dikenal pasti - Kajian

LONDON, 6 April. - Saintis telah mengenal pasti apa yang mendorong perkembangan tisu parut dalam usus pesakit Crohn, lapor PA Media/dpa.

Saintis menemui kelompok sel imun dalam usus yang mungkin merangsang sel berdekatan untuk menghasilkan lebih tisu parut dikenali sebagai fibrosis.

Diharapkan penemuan itu, yang diperincikan dalam kajian baharu, dapat membantu membangunkan rawatan untuk mencegah atau melambatkan perkembangan fibrosis iaitu komplikasi serius penyakit Crohn.

Crohn ialah keadaan keradangan jangka panjang yang menjejaskan saluran pencernaan dan boleh menyebabkan fibrosis, iaitu kolagen berlebihan terkumpul pada dinding usus.

Parut berkenaan boleh menyebabkan usus menjadi sempit dan tersumbat sekali gus memerlukan pembedahan dilakukan.

Pasukan penyelidik diketuai Universiti Edinburgh itu berharap penemuan terkini tersebut dapat membantu menentukan sasaran terapeutik untuk 'mengganggu' proses pembentukan parut dan membangunkan rawatan khusus menyasarkan fibrosis.

Shahida Din, pakar gastroenterologi di NHS Lothian dan pensyarah klinikal kanan kehormat di Universiti Edinburgh berkata: "Fibrosis kekal sebagai salah satu komplikasi penyakit Crohn yang paling mencabar kerana rawatan semasa lebih menyasarkan keradangan dan bukannya parut itu sendiri."

"Memahami laluan isyarat selular yang menghubungkan aktiviti imun dengan pengeluaran kolagen boleh membantu membangunkan terapi yang bertujuan untuk mencegah atau memperlahankan fibrosis."

Kajian itu diterbitkan dalam The Journal of Pathology. - ©BERNAMA

Persekutuan Rusia temui 276 deposit mineral pada 2025 - Putin

MOSCOW, 6 April. - Persekutuan Rusia menemui 276 deposit mineral pepejal pada tahun lepas, kata Presiden Vladimir Putin pada Ahad dalam perutusan tahniah sempena Hari Ahli Geologi, lapor Xinhua.

Dalam perutusan yang diterbitkan oleh Kremlin, Putin berkata 41 medan minyak dan gas kondensat jugaditjumpai dalam tempoh tersebut.

Beliau menambah projek Arktik dan pelantar benua sedang dilaksanakan dengan jayanyadan penambahan sumber mineral teras kini terjamin.

Pada akhir Mac, Timbalan Perdana Menteri Rusia Dmitry Patrushev dilaporkan berkata negara itu menemui rizab litium baharu buat kali pertama dalam tempoh lebih 20 tahun.

Hari Ahli Geologi ialah hari cuti untuk ahli geologi, ahli geofizik dan ahli geokimia di Persekutuan Rusia. - ©BERNAMA

Pengeluaran minyak Libya capai tahap tertinggi dalam tempoh lebih sedekad

TRIPOLI, 6 April. - Pengeluaran minyak Libya meningkat kepada kira-kira 1.43 juta tong sehari, iaitu paras tertinggi pernah dicatatkan dalam tempoh lebih sedekad, kata Pengerusi Perbadanan Minyak Nasional Libya, Masoud Suleiman pada Ahad, lapor Xinhua.

Suleiman berkata dalam satu mesyuarat bahawa hasil jualan minyak bagi Februari melebihi USD2 bilion dan disalurkan sepenuhnya kepada

perbendaharaan negara tanpa sebarang potongan, yang pertama berlaku dalam tempoh beberapa tahun.

Beliau turut memaklumkan bekalan bahan api domestik kekal stabil meskipun berdepan krisis global dan kerja penyelenggaraan ke atas saluran paip eksport medan minyak Al-Sharara telah selesai, dengan pengeluaran kembali ke paras normal.

Suleiman menegaskan bahawa usaha mengekalkan dan

meningkatkan pengeluaran bergantung kepada kestabilan grid kuasa serta penambahbaikan kecekapan pengeluaran.

Eksport minyak dan gas merupakan sumber hasil utama Libya, namun sering terganggu akibat konflik dan ketidakstabilan politik.

Medan minyak Al-Sharara, yang terbesar di negara itu terletak kira-kira 900 kilometer ke selatan Tripoli, dengan kapasiti melebihi 300,000 tong minyak mentah sehari. - ©BERNAMA

AMARAN TAUFAN TROPIKA DI PNG, KEPULAUAN SOLOMON



MELBOURNE, 7 April. - Pihak berkuasa di Papua New Guinea (PNG) dan Kepulauan Solomon telah mengeluarkan amaran mengenai taufan Kategori Tigayang dijangka membawa hujan

lebat dan banjir, lapor Xinhua. Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan PNG memaklumkan dalam amaran kecemasan untuk Wilayah Teluk Milne timur pada pagi Selasa, Siklon Tropika Maila

akan membawa hujan yang sangat lebat, banjir, banjir pantai dan angin kencang. Menurut agensi itu, penduduk di rantau berkenaan terutamanya penduduk pulau di Laut Solomon,

perlu berpindah ke tempat lebih tinggi dan menjauhi pantai. "Ambil langkah berjaga-jaga segera untuk melindungi nyawa dan harta benda," menurut agensi itu.

Perkhidmatan Meteorologi Kepulauan Solomon pula memaklumkan Taufan Tropika Maila semakin kuat dan bergerak perlahan ke timur laut menuju kepulauan Wilayah Barat negara itu di Laut Solomon.

Pulau-pulau di Wilayah Barat telah diberi amaran untuk bersiap sedia menghadapi angin ribut kuat, banjir pantai dan hujan lebat yang meluas serta ribut petir.

Biro Meteorologi Australia turut mengisytiharkan sistem itu sebagai siklon tropika kuat dan menyatakan pada Selasa, taufan tersebut boleh melanda tanah besar Australia minggu ini. -©BERNAMA

Republik Korea berjaya dapatkan tambahan 60 juta tong minyak untuk Mei

SEOUL, 7 April. - Republik Korea memperoleh tambahan 60 juta tong bekalan minyak alternatif untuk Mei bagi menggantikan bekalan dari Asia Barat yang disekat susulan penutupan Selat Hormuz, menurut kerajaan pada Selasa, lapor Agensi Berita Yonhap.

Negara itu menerima sejumlah 110 juta tong minyak iaitu 50 juta untuk April dan 60 juta untuk Mei, setakat ini daripada 17 negara termasuk Arab Saudi, Amerika Syarikat (AS), Emiriah Arab Bersatu, Brazil dan Kanada, kata Timbalan Menteri Perdagangan, Industri dan Keselamatan Sumber Yang Ghi-wuk dalam sidang media.

Jumlah (minyak) yang dijamin untuk bulan ini dan Mei iaitu masing-masing mewakili kira-kira 60 peratus dan 70 peratus daripada bekalan minyak bulanan ke

Republik Korea dalam keadaan biasa, katanya.

Mengenai sistem pertukaran minyak yang diperkenalkan minggu lepas, Yang berkata empat kilang penapisan minyak utama negara telah mengemukakan rancangan untuk meminjam lebih 30 juta tong di bawah program itu, dengan kira-kira 8 juta tong akan dihantar minggu ini.

Di bawah sistem pertukaran minyak, kilang penapisan Republik Korea boleh meminjam minyak mentah daripada rizab negara dan mengembalikan jumlah yang sama sebaik penghantaran bekalan mentah mereka yang diperoleh di luar negara tiba.

"Kilang penapisan telah menyatakan minat terhadap sistem pertukaran minyak dan bersedia untuk memanfaatkannya," katanya.

Mengenai nafta, bahan mentah penting dalam pembuatan petrokimia, Yang berkata beliau menjangkakan import untuk bahan mentah itu mencecah 770,000 tan bulan ini iaitu bersamaan dengan kira-kira 70 peratus daripada jumlah diimport pada bulan sama tahun lepas.

Selain itu, bekalan agregat nafta diunjurkan mencecah sekitar 80 hingga 90 peratus daripada jumlah yang diperlukan untuk bulan itu secara normal apabila ditambah sekitar 1.1 juta tan bahan berkenaan yang dihasilkan dalam negara, tambah Yang.

"Kami bercadang bekerjasama dengan syarikat untuk berusaha mendapatkan bekalan nafta sebaik sahaja bajet tambahan lulus dan bajet tambahan diperuntukkan," katanya. -©BERNAMA

Algeria tetapkan 2 Julai bagi Pilihan Raya Parlimen

ALGIERS, 7 April. - Pilihan raya perundangan Algeria akan diadakan pada 2 Julai, lapor Agensi Berita Xinhua memetik pengumuman Pihak Berkuasa Bebas Pilihan Raya Kebangsaan pada Isnin semasa menerbitkan kerangka kawal selia bagi senarai calon.

Menurut pihak berkuasa pilihan raya tersebut, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada calon mestilah wanita, separuh daripadanya perlu berusia di

bawah 40 tahun, dan satu pertiga lagi mestilah pemegang ijazah universiti.

Pihak berkuasa itu turut menetapkan bahawa jumlah calon bagi setiap senarai mestilah melebihi jumlah kerusi yang akan ditandingi di kawasan pilihan raya tersebut-lebihan tujuh calon sekiranya jumlah kerusi adalah ganjil, dan lebihan enam calon jika jumlahnya genap.

Parti politik yang gagal memperoleh lebih daripada empat

peratus undi dalam pilihan raya perundangan yang lalu, atau tidak mempunyai sekurang-kurangnya 10 wakil rakyat di kawasan pilihan raya tersebut, mestilah mengumpul 150 tandatangan pengundi bagi setiap kerusi, jelas pihak berkuasa itu.

Calon bebas berdepan keperluan yang sama, manakala senarai parti di luar negara memerlukan 100 tandatangan bagi setiap kerusi. -©BERNAMA

UNGA tetapkan dua hari dialog interaktif bagi calon Setiausaha Agung PBB

NEW YORK, 7 April. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) menetapkan dua hari untuk mengadakan dialog interaktif bersama calon Setiausaha Agung PBB yang seterusnya, menurut laman sesawang PBB pada Isnin, lapor Xinhua.

Dalam surat kepada semua negara anggota PBB, Presiden UNGA Annalena Baerbock menggariskan jadual dialog itu

yang akan berlangsung pada 21 dan 22 April, dengan setiap calon diberi peruntukan masa selama tiga jam.

Setakat ini, empat calon berada dalam saingan untuk menerajui PBB, iaitu bekas Presiden Chile Michelle Bachelet yang dicalonkan Brazil dan Mexico; Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa Rafael Grossi yang dicalonkan Argentina; bekas Presiden Senegal Macky Sall yang

dicalonkan Burundi; serta ahli ekonomi dan bekas Naib Presiden Costa Rica Rebeca Grynspan yang dicalonkan negaranya sendiri.

Antonio Guterres, Setiausaha Agung PBB semasa dan kesembilan, mula memegang jawatan pada Januari 2017.

Penggantianya dijadual mengambil alih jawatan berkenaan pada 1 Jan 2027. -©BERNAMA

Kekurangan bekalan bahan api jejas satu daripada lima stesen minyak di Perancis

MOSCOW, 7 April. - Hampir satu daripada lima stesen minyak di Perancis kini mengalami kekurangan sekurang-kurangnya satu jenis bahan api susulan konflik berterusan di Asia Barat, menurut BFMTV pada Isnin, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Kerajaan pada Jumaat menganggarkan bahawa 12 peratus stesen minyak di seluruh Perancis kini mengalami kekurangan satu atau lebih jenis

bahan api.

Setakat pagi Isnin, jumlah itu meningkat kepada 18 peratus.

Radio RMC melaporkan bahawa lebih 1,000 stesen minyak di Perancis berdepan kekurangan petrol 95-okthana atau diesel.

Pada 12 Mac, BFMTV melaporkan bahawa Kementerian Ekonomi Perancis memutuskan untuk tidak mengenakan kawalan harga bahan api di tengah-tengah

konflik Asia Barat yang semakin meningkat.

Selepas mesyuarat peringkat menteri, ia mengumumkan bahawa beberapa syarikat bahan api akan mengehadkan harga jualan di stesen minyak.

Pada 30 Mac, akhbar Le Figaro melaporkan bahawa harga diesel di Perancis mencapai paras tertinggi sejak 1985, menghampiri 2.2 euro (US\$2.5) seliter. -©BERNAMA

Sri Lanka luluskan subsidi bahan api untuk bot nelayan

COLOMBO, 7 April. - Kabinet Sri Lanka meluluskan subsidi bahan api untuk bot nelayan bagi mengurangkan tekanan ke atas sektor perikanan negara itu di tengah-tengah kenaikan harga bahan api global, menurut Kementerian Perikanan pada Selasa, lapor Xinhua.

Kementerian itu berkata subsidi berkenaan akan dikuat kuasa mulai 20 April.

Di bawah skim itu, bot nelayan kecil akan menerima 50 rupee (kira-kira USD0.17) bagi setiap liter bahan api, manakala bot nelayan laut dalam akan menerima 150,000 rupee (USD474) bagi setiap pelayaran.

Menurut kementerian, keputusan berkenaan dibuat susulan mesyuarat tergempar pada Ahad mengenai kesukaran yang dihadapi sektor perikanan Sri Lanka akibat kenaikan harga bahan api global serta gangguan bekalan bahan api yang dikaitkan dengan ketegangan di Asia Barat. -©BERNAMA

Selesema burung merebak ke empat daerah di Nepal

KATHMANDU, 7 April. - Influenza burung patogenik tinggi H5N1, atau lebih dikenali sebagai selesema burung, merebak keempat daerah di Nepal, kata seorang pegawai kerajaan pada Selasa, lapor Xinhua.

Virus itu dikesan di 23 ladang ternakan ayam di daerah Morang, Sunsari, Jhapa dan Chitwan, kata Indira Sharma, pegawai maklumat di Jabatan Perkhidmatan Ternakan.

Pada tahun ini, selesema burung pertama kali dikesan di ladang ternakan di daerah Morang pada 18 Mac.

"Kami menggembleng semua usaha bagi memastikan ia tidak merebak lebih lanjut," kata Sharma.

Menurut laporan jabatan itu, sebanyak 113,608 ekor unggas termasuk ayam dan itik, serta 211,867 biji telur telah dimusnahkan di kawasan terjejas setakat Sabtu. -©BERNAMA

Lufthansa rai ulang tahun ke-100 dengan penerbangan Tempelhof

BERLIN, 7 April. - Syarikat penerbangan Jerman Lufthansa pada Isnin meraikan ulang tahun ke-100 penerbangan sulungnya dari Lapangan Terbang Tempelhof di Berlin - masing-masing ke Zurich dan Cologne - pada 6 April 1926, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Dicirikan oleh semangat perintis dan kesungguhan, segala-galanya bermula di sini di Berlin," kata Ketua Pegawai Eksekutif Lufthansa Airlines Jens Ritter.

Dua penerbangan khas iaitu Boeing 787-9 dan Airbus A350-900 berlepas pada Isnin bagi mengulangi laluan asal, dengan satu daripada pesawat itu diberi nama "Berlin."

Persinggahan untuk mengisi bahan api yang diperlukan 100 tahun lalu kini tidak lagi diperlukan.

Canselor Jerman Friedrich Merz dijadual menghadiri majlis di Frankfurt, ibu pejabat Lufthansa, pada 15 April bagi menyambut ulang tahun berkenaan.

Pada Isnin, Datuk Bandar Berlin Kai Wegner berkata perjalanan udara menghubungkan manusia dan benua.

Beliau berkata apabila lebih ramai orang saling mengenali dengan lebih baik, "barangkali akan ada lebih sedikit peperangan, lebih sedikit kematian dan lebih sedikit bom."

Wegner turut menyuarakan harapan agar Lufthansa memperluas perkhidmatannya dari Berlin. Frankfurt merupakan hab utama Jerman bagi penerbangan jarak jauh.

Lufthansa diasaskan sebagai Deutsche Luft Hansa AG pada Januari 1926, dengan perkataan "Hansa" dalam namanya merujuk kepada rangkaian perdagangan zaman pertengahan di barat laut Eropah. -©BERNAMA



KASUKA FC MENANG BERGAYA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Isnin, 6 April. - Kasuka FC mempamerkan aksi cemerlang apabila mencatat kemenangan 6 - 0 ke atas Kota Ranger FC dalam perlawanan Liga Super Brunei (BSL) Musim 2025/2026 yang berlangsung baru-baru ini di Kompleks Sukan Berakas (KSB).

Pada babak awal perlawanan, Kasuka FC jelas menguasai permainan dengan tekanan berterusan ke atas benteng pertahanan lawan.

Hasilnya, gol pembukaan berjaya dijaringkan pada minit ke-15 menerusi Hugo De Oliveira Januario.

Kota Ranger FC cuba bangkit, namun usaha mereka sering dipatahkan oleh pertahanan Kasuka FC.

Pada minit ke-34, Oscar

Obumneke mengandakan gol buat Kasuka FC selepas memanfaatkan kelalaian di bahagian pertahanan lawan.

Pedro Conceicao Alves tampil menyerlah di penghujung babak pertama apabila menjaringkan dua gol berturut-turut pada minit ke-39 dan minit ke-45. Ini memastikan Kasuka FC mendahului selesa 4 - 0 sebelum waktu rehat.

Memasuki separuh masa kedua, rentak permainan kekal memihak kepada Kasuka FC.

Walaupun Kota Ranger FC berusaha memperkemaskan permainan, mereka masih gagal membolosi gawang lawan.

Pada minit ke-72, Muhd. Haziq Naquiddin Syamra menambah jaringan kelima buat

pasukannya.

Menjelang penghujung perlawanan, Kasuka FC memperoleh sepakan penalti pada minit ke-86.

Adi Said tidak mensia-siakan peluang tersebut apabila berjaya menjaringkan gol bagi melengkapkan kemenangan bergaya 6 - 0.

Perlawanan BSL musim 2025/2026 seterusnya adalah antara MS ABDB dan Jerudong FC yang akan diadakan pada 10 April 2026 bertempat di KSB pada jam 8.15 malam.

ANTARA aksi perlawanan di antara Kasuka FC menentang Kota Ranger FC dalam perlawanan Liga Super Brunei Musim 2025/2026 (atas kanan), manakala gambar kanan, antara penyokong yang hadir menyaksikan perlawanan.



Kayuhan Santai menggamit nostalgia Aidilfitri zaman dahulu

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



BAGI memupuk ke arah warga sihat menerusi aktiviti berbasikal, sekumpulan warga emas tetap bersemangat pada lebaran kali ini dengan mengenakan pakaian baju Hari Raya bertemakan ala klasik di kawasan Taman Mahkota Jubli Emas di ibu negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Kayuhan berbasikal dengan mengenakan pakaian raya Aidilfitri untuk memeriahkan lagi Syawal setentunya menggamit kenangan dan nostalgia Sambutan Hari Raya dulu-dulu.

Bagi memupuk ke arah warga sihat menerusi aktiviti berbasikal, sekumpulan warga emas tetap bersemangat pada lebaran kali ini dengan mengenakan pakaian baju Hari Raya bertemakan ala klasik di kawasan Taman Mahkota Jubli Emas di ibu negara di sini.

Memang pada lazimnya mereka menjadikan berkayuh basikal sebagai aktiviti rutin harian, namun bersempena dengan Syawal ini mereka bersepakat untuk menyerikan gema Aidilfitri dengan mengembalikan nostalgia suasana beraya beberapa puluh tahun lalu sekali gus mengimbas

kenangan bertandang beraya ke rumah-rumah dengan mengayuh basikal.

Dengan adanya kayuhan berbasikal seperti berkenaan, sudah setentunya mereka terhibur berkayuh basikal sambil bersembang-sembang berkongsi pengalaman dan kenangan yang masing-masing dilalui sambil bergelak ketawa.

Dengan kawasan rekreasi yang berkonsepkan 'Bandar dalam Taman' berkenaan setentunya satu lokasi yang amat bersesuaian dengan kayuhan santai di samping mengutamakan ciri-ciri keselamatan untuk mengamalkan aktiviti-aktiviti kesihatan yang lainnya.

Apa yang diharapkan selain mempererat ukhuwah sesama mereka, para pengunjung yang datang juga terhibur dengan menyaksikan keterampilan mereka yang beraneka fesyen sebagai hiburan semata-mata.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BINA, PERKUKUHKAN UKHUWAH SESAMA KITA